



NUKILAN DI ERA PANDEMIK

KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**HIMPUNAN PENULISAN NUKILAN DI ERA PANDEMIK
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**TERBITAN 2021
© KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

e ISBN 978-967-2883-05-0



DITERBIT OLEH:
Kolej Komuniti Temerloh,
Kementerian Pengajian Tinggi,
By Pass Batu 2, Jalan Temerloh,
Kg Chatin Ulu, 28400 Mentakab,
Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-2701550/ 52/ 53
Faks : 09-2701551
Email : kkmb@kkmen.edu.my

PRAKATA PENGARAH

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Nukilan di Era Pandemik ini berjaya diterbitkan. Buku ini diterbitkan sebagai salah satu usaha serta galakan pihak kolej kepada pensyarah bertujuan bagi menyokong dan menyuntik semangat di peringkat awal pembabitan pensyarah dalam bidang penulisan terutama sekali di musim Perintah Kawalan Pergerakan. Kandungan buku ini merupakan gabungan penulisan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu yang dihasilkan oleh pensyarah bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pembelajaran masing-masing di samping penulisan kreatif sebagai pencambahan ideal bebas pensyarah dalam melahirkan pendapat serta pandangan untuk memartabatkan pengurusan organisasi.



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa penerbitan yang telah bertungkus lumus menyiapkan bahan-bahan bagi penerbitan buku ini. Adalah diharapkan agar buku ini dapat mencetuskan percambahan minda kepada semua pensyarah mahu pun warga yang terlibat di Kolej Komuniti Temerloh, Kementerian Pengajian Tinggi sebagai bahan bacaan dan rujukan semasa.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung bagi menjayakan penerbitan buku ini.

Sekian.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

MOHD YUSOF BIN YAZIZ

PENASIHAT 1

WAN NORHAYATI BINTI WAN SAUPI

PENASIHAT 2

PALIZA BINTI DERAMAN

KETUA PENERBIT

NOR AISHAH BINTI OTHMAN

PENOLONG PENERBIT

NOR AZMA BINTI MANAN

KETUA EDITOR

NURUL NAIM BINTI OTHMAN

EDITOR EKSEKUTIF

FARAHANA NADZIRAH BINTI MAHAMAD NADZAR
NIK MAS ALINI BINTI BADRULDIN
NOR HAWA BINTI HARUN
MUHAMMAD SENUSI BIN LEBAI ISMAIL
AMUTHA A/P GOPAL VILLOO@VENUGOPAL

SETIAUSAHA

HARNIZA BINTI ISMAIL

BENDAHARI

FARAHANA NADZIRAH BINTI MAHAMAD NADZAR

PEREKA GRAFIK & HEBAHAN

NORAZUWA BINTI SALEHUDIN
ILYANA BINTI YAHYA

PENJURIAN DAN BENGKEL

NURUL AISYAH BINTI ABDUL GHANI
NURUL AINI BINTI ABDUL GHANI

SUJIL, HADIAH DAN TEKNIKAL

FAIROZ BIN JUMHAT
HAMIMAH BINTI IDRIS

ISI KANDUNGAN


KATEGORI PENSYARAH

- 1 **ADI**
- BENORA
- 6 **AL-MUQTADIR**
- HAMIMAH BINTI IDRIS
- 7 **CEKAL**
- NIK MAS ALINI BINTI BADRULDIN
- 10 **K.A.M.I JUARA**
- NOR AZMA BINTI MANAN
- 12 **KOMPILASI: MONOLOG SEORANG AKU**
- NORARZIANA BINTI SASUDIAN
- 14 **NOTA RINGKAS SEORANG PENDIDIK**
- ZARIL FAIZAL BIN ZARAL GAFFAR
- 18 **SAJAK DUA KISAH (BERSAHABAT TANAH,
BERMUSUH COVID)**
- FARAHANA NADZIRAH BINTI MAHAMAD
NADZAR
- 21 **SAJAK SEKIAN PURNAMA**
- SYED MOHD NAZMI BIN SYED OMAR
- 23 **THE ONE**
- NOR AZMA BINTI MANAN
- 24 **UNTUK TERAKHIR KALINYA**
- NURUL AINI BINTI ABDUL GHANI
- 36 **HATI YANG LELAH**
- NURUL AISYAH BINTI ABDUL GHANI @ TINI
HARDANISYAH
- 38 **UNTUKMU**
- NURUL AINI BINTI ABDUL GHANI

ISI KANDUNGAN


KATEGORI PELAJAR

- 41 **AKU DAN PANDEMIK**
- NUR AIMAN ATHIRAH BINTI MOHAMAD KUSAINI
- 66 **PERSEMBAHAN DENGAN BUNYIAN IRAMA**
- MEGAT SABIR BIN YARZEE
- 73 **SAJAK AMBANG COVID 19**
- NORAIN SHAFIQAH BINTI HARIF SHAH & NUURUL ATIKAH BALQIS BINTI MUHAMAD NOR
- 75 **SAJAK PERANG DIRI**
-NUR 'AQILAH BINTI MOHD HANAFIAH & NUR ZHURAHAINI BINTI ANIZUDIN
- 76 **SAJAK IKTIBAR COVID19**
- NURUL HUDA BINTI AKMAL BASRI
- 77 **SAJAK JAGA DIRI JAGA SEMUA**
- AISHAH OTHMAN
- 78 **SAJAK KU BERSANDAR PADA MU**
- RAJA AZIRAH AMIRAH BINTI RAJA MOHAMAD
- 79 **SAJAK SAHABATKU DALAM TALIAN**
- NURFAIZATUL KAMALIAH BINTI HAIRUL
- 80 **SAJAK SEPERTI DULU**
- NUR AQILAH BINTI ABDULLAH & NURUL ADILA BINTI ZULKIFLI
- 81 **SAJAK WARISAN ALAM**
- NUR ZHURAHAINI BINTI ANIZUDIN & NUR 'AQILAH BINTI MOHD HANAFIAH



KATEGORI PENSYARAH





Namaku Adi Putra. Tapi, bukan Adi Putra pelakon drama ya. Ini kisah aku dan ibu.

“Adi, Adi, ibu ada belikan hadiah untuk Adi”, teriak ibu usai pulang dari kerja.

Hadiah. Kenapa ibu tiba-tiba belikan hadiah ya?. Aku segera berlari ke arah ibu apabila mendengar perkataan hadiah. Siapa yang tak seronok apabila mendapat hadiah.

Aku bertanya, “Kenapa ibu tiba-tiba belikan hadiah untuk Adi?”.

Ibu tersenyum, kemudian berkata, “Adi kan sudah khatam Al-Quran semalam. Jadi ini hadiah untuk Adi kerana Adi berjaya khatam Al-Quran”.

Aku berasa sangat gembira. Ya, semalam aku baru sahaja khatam Al-Quran. Walaupun aku selalu memberikan alasan untuk ponteng mengaji. Tapi berkat bebelan ibu setiap hari, akhirnya aku berjaya juga khatam Al-Quran.

“Terima kasih ibu. Adi sayang ibu”, aku segera mencium pipi ibu. Tanpa berfikir, aku segera membuka hadiah tersebut.


“Adi, Adi lupa sesuatu ya?”, ibu menyoal.

Aku kebingungan. Terlupa. Apa yang aku terlupa ya?

“Kalau kita terima sesuatu, apa yang perlu kita ucapkan”, kata ibu.

Setelah berfikir, baru aku teringat, aku masih belum mengucapkan Alhamdulillah. Ibu selalu berpesan, kalau kita mendapat sesuatu, kita perlu mengucapkan Alhamdulillah, tanda kita bersyukur atas nikmat yang telah Allah kurniakan.

Terus aku ucapkan, “Alhamdulillah. Maaf ibu, Adi terlupa”.



Aku kembali membuka hadiah yang diberikan ibu. Wah, sungguh tidak ku sangka, rupanya-rupanya ibu membelikan *Beyblade Valtryek* kesukaanku. Gembira sungguh hati aku. Aku mula bercadang untuk menunjukkan *beyblade* tersebut kepada rakan-rakan di sekolah.



Keesokan paginya.

Semasa mengemas beg sekolah, aku secara sembunyi memasukkan *beyblade* yang dihadiahkan ibu ke dalam beg sekolah. Tujuannya hanya satu, untuk menunjukkan *beyblade* yang baru aku terima kepada rakan-rakan di sekolah. Aku hadir ke sekolah agak awal harini. Aku merupakan orang pertama yang sampai ke kelas.

Di rumah.

Sebelum pergi ke pejabat, ibu sempat mengemas rumah terlebih dahulu. Ibu mencari-cari *beyblade* yang telah dihadiahkan kepadaku. Puas ibu mencari, namun tidak ketemu jua. Terdetik di hati ibu, mungkin Adi membawa *beybladenya* ke sekolah. Ibu segera menghantar pesanan ringkas kepada Cikgu Man, guru kelasku. Ibu meminta Cikgu Man untuk memeriksa beg sekolahku bagi memastikan aku tidak membawa *beyblade* ke sekolah.



Di Sekolah.

Walaupun pada masa kini pandemik melanda dunia. Sebagai seorang kanak-kanak, main tetap main, walaupun hanya duduk di meja masing-masing. Sebelum kelas bermula, aku sempat bermain bersama rakan-rakan. Aku menunjukkan *beyblade* kesukaanku kepada rakan-rakan.

Ketika aku seronok bermain, Cikgu Man masuk ke kelas. Aku dan rakan-rakan cepat-cepat menyimpan *beyblade* ke dalam beg sekolah. Cikgu Man merupakan guru Bahasa Melayu. Pada hari ini, Cikgu Man mengajar tajuk peribahasa. Begitu banyak peribahasa yang aku belajar pada hari ini. Kata Cikgu Man, peribahasa adalah ayat kiasan yang digunakan oleh orang-orang terdahulu dalam memberi nasihat.

Selepas tamat sesi pembelajaran, tiba-tiba Cikgu Man berkata, "Pada hari ini cikgu akan periksa beg sekolah kamu semua". Aku sangat terkejut, macam mana kalau cikgu terjumpa *beyblade* ku. Cikgu Man datang ke arahku. "Adi, cikgu ingin periksa beg sekolah kamu", kata Cikgu Man. Aku menyerahkan beg sekolah kepada Cikgu Man dalam keadaan takut.

Kemudian Cikgu Man mengeluarkan *beyblade* dari beg sekolahku. "Adi kenapa awak bawa mainan ke sekolah?", tanya Cikgu Man. Aku berasa sangat takut. Aku telah melakukan satu kesilapan, membawa mainan ke sekolah. "Maafkan aku cikgu", terketar-ketar aku berbicara. Dengan muka yang garang, Cikgu Man berkata, "Mainan kamu ini cikgu akan rampas. Lain kali jangan bawa mainan ke sekolah lagi". Pesan Cikgu Man kepadaku. Aku mengangguk tanda faham.

.....

Selepas Solat Isyak.

Setiap hari, aku akan solat berjemaah bersama keluarga. Aku sangat suka mendengar ayah mengimamkan solat. Sungguh merdu suara ayah. Aku bercita-cita ingin menjadi seperti ayah suatu hari nanti.

Selepas selesai solat isyak, biasanya aku akan menyiapkan kerja-kerja sekolah yang diberikan oleh cikgu. Ibu dan ayah akan membantuku sekiranya aku tidak faham. Setelah menyiapkan kerja sekolah, tanpaku duga, tiba-tiba ibu bertanya mengenai *beyblade* yang ibu hadiahkan semalam. Aku dalam dilema, bagaimana aku hendak memberitahu ibu bahawa *beyblade* ku telah dirampas oleh Cikgu Man di sekolah.

Aku tahu, aku telah melakukan kesilapan, aku tidak berani berbohong kepada ibu. Aku selalu ingat pesan ibu, berkatalah benar walaupun pahit. Aku menguatkan diri untuk berterus terang. “Maafkan Adi ibu, Adi membawa *beyblade* ke sekolah tanpa kebenaran. *Beyblade* Adi telah dirampas oleh Cikgu Man di sekolah”. “Ibu maafkan Adi, terima kasih kerana berterus terang”, kata ibu. Ibu memberitahuku bahawa ibu telah mengetahuinya sejak awal lagi. Itulah yang menyuruh Cikgu Man untuk memeriksa beg sekolahku.

Benarlah kata ibu, setiap apa yang kita lakukan sama ada secara terang atau tersembunyi, Allah akan ketahui. Pasti Allah yang mengerakkan hati ibu untuk mencari *beyblade* ku pagi tadi. Aku sangat insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesilapan ini lagi. Aku berazam akan menjadi anak yang soleh, yang akan membanggakan ibu dan ayah.

Saat naskhah itu dibaca
Lembaran luka lama mengalir semula
Sedih pilu kembali menerpa
Butir butir mutiara berderai jua
Segalanya masih jelas diminda
Berputar menelusuri masa

Nista itu meninggalkan derita luka
Mencampak hidupku ke lembah nestapa
Jalanan hidup sesak sengsara
Pedih dan perit tak mudah sirna
Lara memamah duri nistanya
Sedang dia sinis ketawa

Ingin rasanya kuhambur kembali padanya
Namun fikirku itu bukan jalan bahagia
Lantas aku merintih padaNya
Menggali semula catatan tauhid agama
Mengenal aturan kehidupan makhluk di dunia
Kita hanyalah penguasa
Sedang Al- Muqtadir itu adalah milik Dia

Aku mula berlapang jiwa
Memujuk hati usah berdendam duka
Biarlah tangis ini berjurai lama
Biarlah badai itu terus melanda
Aku tahu itu pasti ada hikmahnya
Kerna hanya Pencipta yang mengenali ciptaanNya

Dulu..

tatkala impian yang dibina hancur musnah
aku jatuh terduduk
longlai, lemah tiada daya
kukira itulah ujian terbesar aku pada ketika itu

Aku menangisi nasib
mencari kesilapan sendiri
rasa seperti tidak adil aku diperlakukan begitu
sedangkan niatku tulus

Namun...

aku belajar untuk redha
belajar untuk menerima qada' dan qadar
aku pujuk hati sendiri
dihati berbisik
sang pencipta punya rancangan
yang tentunya lebih baik daripada perancanganku

Benar..

setelah aku serahkan segala-galanya kepada yang Esa
satu-persatu Dia tunjukkan kemurahan-Nya
satu persatu rezeki datang
tanpa sempat aku meminta

Masa berganti masa

aku bangkit kembali
mengumpul sisa-sisa semangat yang ada
bangkit meneruskan cita-cita
yang tidak pernah padam di dalam hati ku

Sang pencipta menunjukkan kebijaksanaanNya
perancangannNya jauh lebih hebat untukku
tatkala aku baru menghayun langkah
mengharungi liku-liku dalam menggapai cita-cita
Pandemik Corona 19 melanda..

semua institusi ditutup dan pelajar dibawa pulang
Setelah itu, pembelajaran di alam maya menjadi kemestian
Subhanallah..cantik aturannya
Kerana aku tidak perlu lagi berulang ke shah alam

Pandemik Corona..
mengubah cara kehidupan seluruh manusia di dunia
begitu jua aku
tanggungjawab seorang isteri, ibu, pensyarah dan juga pelajar aku galas
pendorong utama adalah ibu ku sendiri
tidak kalah juga dengan pengorbanan sang suami yang sentiasa disisi

Tatkala aku menghadiri kelas di alam maya,
suami pula menanggung tugas
memasak, mengemas dan menjadi pengasuh yang tegas.
malah anak-anak lebih disiplin bila diasuh oleh bapanya
syukur perjalanan sarjana menjadi mudah untuk ku harungi.

Dalam keadaan aku yang bergelar pelajar
tidak disangka
Allah mengurniakan seorang lagi zuriat
Sungguh tiada pun dalam perancangan aku dan suami
Namun kami terima dengan hati terbuka
Kelahirannya Affan disambut dengan penuh kesyukuran

Belajar disamping dengan penjagaan bayi baru begitu memenatkan
namun aku terus kuatkan semangat
fokus terhadap pelajaran tidak pernah aku abaikan
dua tangan ini menjadi saksi
kececalan dan ketabahan seorang ibu
yang juga bergelar pelajar
tangan kiri menghayun buaian
tangan kanan ku pula mengetik papan kunci komputer

Subhanallah
Kukira kehadiran zuriat ini akan menyebabkan prestasi pelajaran merosot
dan aku redha jika pencapaian aku merudum pada semester tersebut

namun sangkaan aku meleset sama sekali
kerana aku berjaya mendapat keputusan cemerlang
dengan memperoleh Anugerah Dekan
syukur yang tak mampu aku luahkan
rakan-rakan seperjuangan juga turut teruja dan merasa bangga
malah Professor menggelarku wanita besi
Terima kasih semua
Tanpa bantuan kalian, aku tak mampu melaluinya
Semoga Allah membalas segala kebaikan kalian dengan sebaik-baik balasan

Wahai anak bangsaku
Teruslah cekal, tabah dan bangkit apabila diuji
Hayatilah rasa syukur dan redha seikhlas hatimu
Berbuat baiklah kepada ibu kerna doanya yang tiada hijab
Taatlah dan berserahlah kepada yang Esa
Itulah kunci kejayaan mu.

Ayam berkokok berbunyi sendu
Jam berdering tidak berhenti
Mata melirik pada waktu
Alamak, ada kelas hari ni!

Pejam sekejaplah, sebentar sahaja
Tiba-tiba, jam berdering kali kedua
Terpisat-pisat menggosok mata
Bangun cepat, kelas dah nak mula!

Segera capai tuala di tepi
Bersihkan badan, segarkan diri
Sediakan semua kelengkapan peribadi
Bersedia untuk kelas sebentar lagi

Assalamualaikum pemula bicara
Kata pensyarah merdu suaranya
Walaupun tidak dapat bersua muka
Secara virtual pun boleh juga

Khabar disapa, sesi PdP bermula
Soalan ditanya, kefahaman diuji
Pelajar menjawab berlumba-lumba
Tanda ilmu melekat di hati

Pensyarah tersenyum, pelajar gembira
Tugasan diberi, pesanan dititip
Siapkan kerja dengan segera
Usah leka termenung, memikirkan nasib

Jaga diri, jaga S.O.P

Kurang faham, segera bertanya
Baik puan, yang dihormati
Kami cuba sedaya upaya

Perbincangan bermula, rujukan dibuat,
Akhbar, majalah, internet, dan buku
Berganding bahu bersama sahabat
Bersama menuju ke arah yang satu

Pelbagai aktiviti sedia menanti
Pertandingan kemahiran, lawatan, CSR dan inovasi
Tidak lupa peluang sebagai JPP
Menjadi pemimpin yang disegani

Teori dimiliki, kemahiran dikuasai
Jasmani, emosi, intelek dan rohani
Usaha dicurah tiada henti
Agar tercapai visi dan misi

Buktikan diri boleh berjaya
Usah malu terus mara
Duduk bersama berdiri setara
Yakin diri, Allah kan ada

Bersama kami, bergelar juara
Mengikuti program di kolej komuniti
Usah risau titik bermula
Garis akhir itu yang pasti

KISAH 1 : REZEKI DAN HIKMAH YANG TERSIRAT

Setiap orang ditakdirkan dengan rezeki yang berbeza. Mungkin ada juga yang sama, tapi jarang.

Contohnya begini :

“Si Tipah dapat anak kembar selepas sebulan berkahwin”

“Si Adi dapat kerja jawatan besar bergaji 5 angka!”

“Si Zaza dapat suami seorang jutawan lagi maha kacak kegilaan gadis”

Ya. Rezeki Tipah, Adi dan Zaza berbeza (nama tersebut adalah rekaan semata-mata). Tapi acapkali hati terusik bila mengenangkan rezeki “zuriat” kepada aku dan suami. Aku bersyukur kerana dikurniakan suami yang penyayang dan banyak menyokong serta menenangkan aku supaya bersabar dan bersangka baik dengan takdir kami. Tuhan maha mendengar dan maha mengetahui.

Aku belajar untuk sabar.

Aku belajar untuk redha.

Terusik hati melihat kawan-kawan berbadan dua, dengan perut memboyot, dengan anak riang gembira dan bergambar di hari raya bersama saling melengkapi semuanya. Aku hanya mampu usap dada tenang hati dan bisik sendiri dalam hati supaya bertenang dan positif. Senyum.

Bagi yang senasib dengan aku, bertabahlah. Usaha dan tawakkal. Tuhan ada untuk mendengar rintihan hati kita. Berdoalah dan menangislah semahunya di depan Dia. Mungkin hari ini kita diuji, esok lusa mungkin kita bahagia. Ya, bahagia bersama anak-anak syurga. Senyum lagi dan lagi.

KISAH 2 : BUNGA VS. BATU

Dua entiti yang berbeza. Secara kasarnya memang sangat berbeza. Itulah perumpamaan yang paling buat aku kagum hingga kini. Mudahnya begini, orang baling engkau dengan batu dan engkau membalasnya dengan balingan bunga yang cantik dan wangi.

Kerapnya balingan batu itu, kerap jugalah engkau membalas balingan bunga itu. Hati mana yang tak remuk teruk bila diperlakukan sebegitu? Aku manusia, bukan malaikat. Aku ada perasaan, bukan boneka kayu.

Maka, kuatlah aku rentap dan pujuk sendiri hati yang remuk supaya terus kekal dengan momentum sebegitu dan memperlihatkan tindak balas yang positif sahaja. Aku bukan mengalah, tapi aku sedang bangkit melawannya.

Teringat pesanan seseorang, "janganlah menjejaki kebodohan tindakan si perilaku namun berusaha supaya si bodoh itu ranap mindanya".

KISAH 3 : DEFINISI RASA

Rasa itu terlalu subjektif untuk diucap.

Rasa itu terlalu indah untuk diungkap.

Rasa itu terlalu perit untuk dinukilkan.

Definisi rasa yang acap kali mengganggu jiwa.

Pernah?

Setiap yang ditempuh pasti ada manisnya. Begitu juga dengan rasa.

Rasa ini terlalu subjektif untuk diolah menggunakan frasa.

Terlalu rumit juga untuk dirungkai. Apa yang sedang di rasa kini?

Aku : Senyum!

Kipas di siling berputar perlahan dengan bilah-bilahnya mulai di selaputi dengan habuk tebal. Suasana di Restoran Saniah cukup meriah dengan pengunjung yang silih berganti menikmati hidangan pagi. Sesekali kedengaran bunyi cawan plastik jatuh ke lantai di dapur sambil terdengar pekikan tuan kedai menegur pekerjanya untuk lebih berhati-hati. Aku merenung ke dalam gelas yang dipenuhi dengan “milo panas kosong” sambil menghayati alunan lagu “Misteri Mimpi Syakila” dendangan kumpulan Wings. Sememangnya aku bukannya minat dengan lagu-lagu genre “rock” ini tetapi entah kenapa pada pagi ini hatiku tiba-tiba terasa terhibur melayani lagu nyanyian vokalis Awie itu sampaikan tidak sedar mee goreng yang tadinya panas kini sudah mulai sejuk. Fikiranku terus melayang-layang.

“Tahniah Fahmi! Tahniah di atas kenaikan pangkat kamu ke gred 44”. Aku merenung tepat ke mata Encik Sariman, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Kolej Universiti Permai Shah Alam. Orangnya tegas tetapi suka berjenaka dan pandai mengambil hati orang-orang bawahnya. “Betul ke apa yang saya dengar ni tuan?” aku masih tidak percaya di atas apa yang terhambur dari mulut ketua dan juga sahabat karibku itu. “Laahh, takkan saya nak buat “joke” pulak. Ni hah surat yang baru saya terima” balas Encik Sariman sambil menghulurkan sehelai surat kepadaku.

Hatiku terus bersujud syukur kepada Allah di atas kurniaan rezeki yang tidak ternilai harganya. Alhamdulillah! Doa ibu dan abah yang telah lama meninggalkanku dimakbulkan. Dengan tidak sengaja air mataku mengalir. Mengalir tanda kegembiraan. “Tapi....tapi...aduh berat betul saya nak cakap ni Fahmi” tiba-tiba air muka Encik Sariman berubah sambil tertunduk. Jauh di sudut hatiku mula memikirkan yang bukan-bukan atau Encik Sariman cuba bergurau dengan aku.

“Tapi kau kena penempatan semula la di Sabah” sambung Encik Sariman sugul dan kata-kata ringkas daripada beliau seolah-olah seperti petir yang sedang sabung menyabung di luar sana walaupun cuaca amat baik dan cerah. Aku terdiam sejenak dan terus terduduk di kerusi empuk berhadapan dengan Encik Sariman. Segala kegembiraanku tiba-tiba bertukar menjadi kedukaan yang tidak terhingga. Kenapa Sabah??

Sepasang mataku terus menatap sekeping warkah yang menjadi igauanku setiap malam walau sesekali berkedip. Di dalam keadaan sekarang hatiku mula berbelah bahagi samada untuk terus menaburkan bakti di kolej universiti yang telah kuanggap sebagai

rumah kedua ini atau aku harus berhijrah demi kerjayaku yang lebih baik di masa hadapan. Secara jujur, aku tiada masalah dan halangan untuk memulakan perkhidmatanku di Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu, tetapi suatu usaha yang sedang dilakukan oleh sekelompok pelajar membuatkan hatiku sayu dan terharu. Selama sebelas tahun aku berkhidmat di Kolej Universiti Permai Shah Alam mengharungi cabaran mendidik anak-anak bangsa menjadi insan yang berkepentingan di mata masyarakat kini baktiku ditagih pula di negeri di bawah bayu. Aku terus diam membisu.

Walaupun pada zahirnya aku tidak menitiskan air mata tetapi jauh disudut hatiku meruntun perasaan sayu, hiba dan terharu kerana ramai insan-insan yang berhati mulia yang menghargai betapa besarnya nilai sebuah ilmu ingin supaya aku kekal menabur bakti di sini. Seketika aku diam dan membisu kerana mindaku masih berkecamuk memikirkan haruskah aku pergi atau kekal di sini.

Sepuluh hari lagi aku akan pergi ke Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu meninggalkan Kolej Universiti Permai Shah Alam yang telah banyak mengajarku erti kehidupan sebagai seorang pendidik. Sebelas tahun yang penuh dengan warna-warni liputan sejarah aku sebagai pendidik di Kolej Universiti Permai Shah Alam sudah cukup mematangkanku dalam mengharungi nota baharu di Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu kelak. Sememangnya benar di awal aku menerima surat penempatan hatiku berat untuk menerima arahan yang diberikan namun sedikit sinar cahaya sudah mula kulihat di hujung terowong yang gelap gelita.

Aku telah tetapkan hatiku untuk pergi ke Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu. Aku telah bersedia dengan cabaran baharu yang bakalku terima di sana nanti. Aku hanya mampu mendoakan pelajar-pelajarku ini agar senantiasa dirahmati Allah SAW dan dimudahkan perjalanan menimba ilmu di Kolej Universiti Permai Shah Alam ini. Benakku terus menghitung sehinggakan tidak kusedari hanya tinggal lagi 9 hari lagi aku berada di bumi Kolej Universiti Permai Shah Alam yang bertuah ini sebelum memulakan kehidupan baharuku di Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu. Alhamdulillah hatiku semakin tenang untuk menyusun kembali kerjayaku dengan wadah yang baru.

29 Mac 2012 merupakan satu tarikh keramat buat diriku kerana pada ianya adalah hari terakhir aku berada di Semenanjung Malaysia sebelum memulakan satu bab yang baharu di dalam diari kehidupanku sebagai seorang pensyarah kolej universiti. Seawal jam 6.00 pagi mataku sudah dibuka menandakan aku akan memulakan satu episod

baharu di dalam pengembaraanku merentas liku-liku kehidupan pensyarah kolej universiti yang penuh dengan pancaroba dan cabaran.

Aku tiba di KLIA (Kuala Lumpur International Airport) hampir jam 7.15 pagi. Jadual penerbanganku adalah pada jam 9.20 pagi dan normanya penumpang mesti berada di lapangan terbang 2 jam sebelum waktu berlepas. Sempat jugalah aku merakamkan detik-detik sebelum berlepas. Kali terakhir aku menaiki pesawat penerbangan adalah semasa menghadiri mesyuarat di Kuala Terengganu dan sebenarnya aku amat fobia dengan pesawat udara. Namun begitu aku gagahkan diriku untuk terus menghadapi semua ini dengan tabah dan berani. Alhamdulillah akhirnya aku berjaya memujuk diriku untuk tidak lagi terus menjadi "Airoplanofobia".

Semasa di dalam perjalanan menuju ke Balai Berlepas, hatiku semakin tenang menerima kenyataan bahawa aku akan menjejakkan kaki ke suatu tempat yang tidak pernah tergambar di dalam benakku selama ini dan kenanganku bersama Kolej Universiti Permai Shah Alam tetap tersemat di dalam hati.

Aku bertekad untuk meninggalkan Kolej Universiti Permai Shah Alam dan arahku sekarang jelas di Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu demi menabur bakti kepada anak bangsa. Tidak banyak peristiwa yang sempat kurakamkan di dalam pesawat kerana memang tidak ada apa-apa yang teristimewa selain melayan mabuk udara sambil menjamu hidangan yang disediakan oleh pihak MAS. Aku ingin berkongsi kepada sesiapa yang mungkin buat pertama kalinya atau jarang-jarang menaiki pesawat udara bahawa jangan sesekali lupa untuk membawa air mineral atau air kosong kerana isipadu minuman yang dihidangkan amat sedikit.

Walau apapun, sebagai kenangan menaiki pesawat untuk berhijrah ke tempat kerja baharu, aku rakamkan juga beberapa gambarfoto. Mataku terpaku seketika melihat keindahan panorama ciptaan Allah, kepulan awan yang sangat mempesonakan, juga melihat daratan daripada udara. Indah sungguh ciptaan-Nya sambil kenangan manis semasa berkhidmat Kolej Universiti Permai Shah Alam bumi bertuah semakin lama semakin menghilang dihembus bayu. Alhamdulillah, setelah 2 jam 20 minit penerbangan akhirnya tiba juga aku di bumi di bawah bayu, SABAH!!! Tiga puluh tujuh tahun aku hidup dan inilah pertama kali aku tiba di Sabah! Terbaik sahaja kakiku melangkah keluar daripada pesawat yang menerbangkan aku ke mari, hatiku tenang dan seketika aku bersyukur ke hadrat Illahi kerana merahmati perjalananku sebagai seorang pendidik kolej universiti.

Harapanku di tempat baharu ini bakal membuka satu lembaran lagi di dalam diari kehidupanku sebagai pensyarah kolej universiti. Semoga segala kenangan pahit manis semasa di Kolej Universiti Permai Shah Alam akan senantiasa mengingatkanku dan memanduku untuk terus menjadi seorang pendidik yang berjaya. Kini kurasakan seperti baharu pertama kali menjejakkan kaki ke alam pekerjaan dan aku bertekad untuk menyumbangkan tenagaku di Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu ini, ayuh bah!!!

“Jauh menung tu!”. Tiba-tiba lamunanku terhenti disapa oleh satu suara yang cukup bersahaja dan mencerminkan pemiliknya yang cukup suka merendah diri. “Bos! Maaf la sebab asyik terpandang arca kayu “I Love Kolej Komuniti Temerloh”, tak perasan pulak”, balasku sambil tersenyum mesra. “Belum balik lagi ke?”, tanya En. Suhairi pendek tapi padat. “Tengah tunggu waktu nak *time*”, balasku ringkas juga. Sambil tersenyum bos aku yang lebih mesra dipanggil En. Su terus meninggalkanku menuju ke Honda Civic putih yang sentiasa menjadi igauan aku untuk memilikinya suatu hari nanti.

Aku ketawa kecil sendirian sambil memandang keliling. Aku mengelamun rupaya. Aku tersenyum sendirian menggelang-gelengkan kepala tunduk ke bawah sambil berbisik di dalam hati “Jauh betul kau *throwback* ya Fahmi!”. Tidak kusedari sudah hampir sepuluh bulan aku meninggalkan Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu. Kini aku sudah membuka satu lagi laman baharu dalam diari kehidupanku untuk terus menulis warna warni pengalaman di Kolej Komuniti Temerloh dengan pena mindaku. Di mana bumi dipijak disitulah langit yang akan kujunjung, baktiku di Kolej Universiti Permai Shah Alam telah ternoktah, baktiku di Kolej Universiti Permai Kota Kinabalu selesai sudah, kini baktiku bakal ditagih oleh Kolej Komuniti Temerloh. Aku harus terus ke hadapan jangan sesekali mundur ke belakang. Pengalaman adalah guru yang terbaik buatku agar terus kuat dan tidak gentar dalam mengharungi masa depan yang penuh dengan jerangkap samar. Dua puluh tahun aku bermandi tujuh warna pelangi di kolej universiti kini tiba masanya membasahkan diri di dalam kolam kolej komuniti pula.

Sekilas aku rindukan kolam si bongkok, bilakah saatnya akan kujejakkan kaki untuk kembali ke sana? Aku berserah kepada Yang Maha Esa untuk menentukannya.

**SAJAK DUA KISAH
(BERSAHABAT TANAH, BERMUSUH COVID)
FARAHANA NADIRAH BINTI MAHAMAD NADZAR**

Pergi ke kebun si anak muda,
Menanam timun cili dan terung,
PKP diumumkan Covid-19 melanda,
Gelisah jiwa hidup terkurung.

Pokok cili pokok terung,
Subur menghijau berbuah lebat,
Sabarlah kalian jangan murung,
Anggaplah ini ujian yang hebat.

Teringat pula terung yang subur,
Dipetik girang si anak muda,
Kurangkan bercakap elakkan bersembur,
Jagalah jarak di mana berada.

Merah menyala si buah cili,
Terasa pijar membakar jari,
Bantuan di nanti keperluan digali,
Demi kelangsungan hidup sendiri.

Lain pula nasib si timun,
Terkena penyakit lalu mati,
Wahai manusia jangan mengelamun,
Dengarlah rintihan celikkan hati.

Jiwa muda enggan menyerah,
Bertanam pula bendi petola,
Hidup berkurung kami pasrah,
Moga terhindar dari bala.

Keringat diperah membanting tulang,
Disiram dibaja tanah berkampit,
Apalah nasib kami yang malang,
Semakin hari semakin terhimpit.

**SAJAK DUA KISAH
(BERSAHABAT TANAH, BERMUSUH COVID)
FARAHANA NADIRAH BINTI MAHAMAD NADZAR**

Padi sudah sayur pun sudah,
Berhenti sebentar rehatkan badan,
Rintihan dan keluhan didengar sudah,
Bantuan dihulur ringankan beban.

Bercambah sudah petola di batas,
Penjarangan dibuat elakkan saingan,
Sampai bila pergerakan terbatas,
Hidup ini perlu di teruskan.

Bendi disiram dua kali sehari,
Racun diberi elak penyakit,
Kematian meningkat saban hari,
Carilah penawar penyembuh penyakit.

Batang bercabang lembut berbulu,
Sayuran bendi diberi nama,
Setahun sudah masa berlalu,
Adakah sinar akan menjelma?

Sayur petola kurang digemari,
Kurang pendedahan untuk di kenali,
Terlihat sudah sinar mentari,
Moga kehidupan menjelma kembali.

Membantu dalam pencernaan tubuh,
Sedapnya petola dimasak santan,
Walau tidak mampu menyembuh,
Namun mampu kurangkan penularan.

Pondok usang tersergam indah,
Di jadikan tempat untuk menunggu,
Usaha sudah berubat pun sudah,
Teruskan kehidupan di norma baharu.

Padi Bukit Padi Huma,
Mudah ditanam mudah dijaga,

**SAJAK DUA KISAH
(BERSAHABAT TANAH, BERMUSUH COVID)
FARAHANA NADIRAH BINTI MAHAMAD NADZAR**

Benarlah pesan orang lama,
Jangan gembira kelak berduka.

Penat meracun berehat dahulu,
Racun disembur elak serangga,
Setahun sudah masa berlalu,
Masih tiada khabar gembira.

Mayang padi sudah bercambah,
Serangan tikus bakal menjelma,
Tidaklah kami mengaku kalah,
Cuba menerima hidup bersama.

Tikus dan burung makhluk perosak,
Jerat dipasang bukan aniaya,
Benarlah kata orang bijak,
Setiap yang berlaku ada hikmahnya.

Lima bulan tidaklah lama,
Padi sudah mula kekuningan,
Hargailah waktu waktu bersama,
Ciptalah kenangan binalah harapan.

Padi ditumbuk sehingga semput,
Bercerai kulit dapatlah berasnya,
Selagi ajal belum menjemput,
Beramallah kita selagi bernyawa.

Sudah sekian purnama
Frekuensi parasit tiada penghujungnya

Saban hari nyawa ibarat daun
Gugur dari ranting, rapuh dimamah usang

Rumahku syurgaku ibarat tirai besi,
Terkurung kaku menghitung waktu berlalu

Desa permai lama sudah tidak dijejaki
Rindu bonda hanya di talian, jiwa buntu terasa pilu

Anak kecil merintih, tanpa tahu erti kehidupan
Apakah ia bakal diwarisi atau tergadai?

Demi mencapai matlamat holistik, ilmu dikongsi di alam maya,
Cabaran mendidik terasa hampa, hanya bertepuk sebelah tangan

Pendemik berevolusi menjadi tsunami sukar dibendung
Hanya Allah tempat ku bermohon lagi berlindung

Ekonomi merundum perniagaan terkesan
Pengangguran meningkat rakyat tertekan

Kematian meningkat saban hari
Hospital sesak penuh tampungan

Kakitangan penat terduduk lelah
Demi membanteras penularan usaha dikerah

Hilang teman hilang kenalan, pergi tak kembali
Diuji saban hari sebagai bekalan ke dunia abadi

Varian pemangsa makin bermutasi

Rakus meratah nyawa tanpa erti

Virus menular hidup terkurung, meresah jiwa

Berperang rasa berperang emosi menyesak minda

Semakin lama semakin tewas, sesama sendiri menunding jari

Berhenti menjadi bangau oh bangau. ayuh cari muafakat diri

Tiket kebebasan diberi, vaksin bukan malaikat melindungi

Andai SOP gagal di patuhi gagal di selami

Demi secebis kedamaian, tiada erti malam ataupun siang

Itulah sang pahlawan tinggalkan yang tersayang

Gugurnya wira hadapan di medan perang

Taburkan ingatan kerna perjuangan belum selesai

Endemik bukan mengaku kalah, hanya berpijak di bumi yang nyata

Kehadirannya perlu ditelan, umpama api dalam sekam

Yang lama dikelek, yang baharu didukung

Nescaya cahaya baru akan lahir menyinari Inshaallah

Saat peluang diberi, jangan abaikan keselamatan sendiri

Kelonggaran diberi demi kelangsungan hidup, kita jaga kita

Kini imuniti kelompok menjadi tembok terakhir

Selebihnya hanya mampu berdoa pada Yang Maha Esa

Pegerakan merentas kawalan terbatas

Demi menyekat penularan wabak

Bukan mengurung atau menindas

Kemelut berakhir tamatlah babak.

The path diverged in a bushy wood
Thinking twice, thinking thrice
Long I stood
Either worthless or cause a price
No point of turning back
Just go straight regardless of what I lack

Being there my eyes wide open
Windy, stormy rain, bolt of lightning,
A voice said, "This is it. So what do you reckon?"
My eyes blinking
"A moment of epiphany."
Simple and easy.

"Very well, come in then"
Said the voice again
No hesitation, only confidence
Trying to face them this time around
To Him I seek for guidance
As He will never let me down

Get ready, the time has come
Take a deep breath, loosen up and be calm
Seeking for success, something that I yearn
But failures too, an absolute, definite emergence
Nevertheless, the path that is wisely chosen
And that will make a huge difference

Telefon di meja sisi aku capai dan mata mengecil cuba membaca nombor di skrin. Jariku menari di atas skrin untuk menghentikan *alarm*. Tepat jam 6.00 pagi. Nana di sebelahku masih lena dibuai mimpi. Langsung tidak terganggu dengan bunyi *alarm* telefonku yang boleh gegarkan satu rumah. Aku menggeliat dengan posisi masih berbaring. Cuba kumpul kekuatan untuk bangun, mandi, sediakan sarapan dan bersiap untuk bekerja norma baharu.

Tepat 7.00 pagi sarapan sudah lengkap di atas meja. Hari ini dalam sejarah aku sediakan sarapan pagi waktu hari bekerja. Jika hujung minggu memang sudah menjadi rutin aku, Nana dan Iza untuk sama-sama sediakan sarapan namun hari kerja kami memang akan sarapan di tempat kerja masing-masing.

“Waaa sedapnya bau, ini rasa mesti sejuta kali sedap.” Iza dengan mulut manisnya berpisah tiada namun aku tahu dia ikhlas dengan pujian itu. Aku memang jaguh memasak di antara kami bertiga.

“Haruslah sedap, sebab tu ada orang dua tiga kali tambah kalau aku masak.” Aku senyum ceria di pagi hari. “Eh cepatlah makan, kau kejam lagi dah kena *start* kelas kan. Aku pukul 8 baru mula. Kau tu nak kena *setup* apa-apa yang patut, *google meet* pun kena *create*.” Selain jaguh memasak, aku juga jaguh membebel di dalam rumah ini.

“Baik bos.” Iza sudah duduk dan mula mencedok nasi goreng yang masih berasap.

Selang beberapa minit, Nana keluar dari dalam bilik. Aku dan Iza saling berpadangan kira-kira dua saat. Terpaku melihat penampilan Nana yang *vogue*. Tidak berkata kami namun mulut tetap jua mengunyah nasi goreng.

“Dah kenapa dua orang ni? Ada yang tak kena dengan baju aku ke, atau mekap aku comot ke?” Nana pandang wajah kami silih berganti.

“Kau lupa ke yang kita dah mula BDR hari ni?” Pandangan mata Iza masih tepat ke arah Nana.

“Mestilah ingat.” Nana tarik kerusi di sebelahku.

“So kenapa pakai beria dengan mekap bagai?” Aku juga sibuk ingin tahu.

“Wahai kawan-kawanku sekalian, walaupun BDR penampilan tetap kena jaga dari atas sampai ke bawah. Jangan atas je comel, bawah pakai kain batik atau pakai baju kelawar sarung tudung nak pergi pasar.” Nana senyum lebar.

Part baju kelawar dan sarung tudung pergi pasar tu sebenarnya aku. Aku tergelak beberapa saat. Sikitpun aku tidak terasa hati dengan Nana kerana aku tahu itulah cara dia menegur dan apa yang dikatakannya itu betul. BDR bukan alasan untuk pakai ikut suka hati. Etika pemakaian tetap perlu dipatuhi walau hanya keluar separuh badan di skrin. Dengan nasihat pendek dari Nana, usai sarapan aku tukar juga baju kepada yang lebih formal. Iza pula tidak sempat tukar dan *maintain* dengan ‘atas je comel, bawah kain batik’.

.....

“*Stress* betul aku dengan seorang pelajar aku ni. Semua *homework* tak dihantar. Bukan aku tak *contact personal*. Dengan *parents* sekali aku dah *call* tapi tak ada yang angkat atau respon. Kelas *online* tak pernah *join* langsung.” Baru 3 hari BDR, Nana sudah terima satu masalah. Aku dan Iza, setakat ini bersyukur semuanya berjalan dengan lancar.

“Ada lagi cara yang ada selain dari tu? Nak ke rumah *student* kau tu tak boleh sebab kita PKP.” Iza sama-sama cuba mencari idea.

Mataku tepat ke skrin televisyen. Menonton rancangan kegemaranku di *Netflix* namun dalam kepala ligat juga memikirkan cara untuk selesaikan masalah Nana. Usai makan malam tadi kami bertiga terus duduk di ruang tamu menonton rancangan di *Netflix*.

“Kau tahu tak siapa kawan baik *student* kau tu? Mana tahu kawan baik dia ada *contact* dengan dia atau keluarga dia?” Terus aku utarakan idea ini mana tahu berhasil.

“*Nice* idea, aku *whatsapp* kawan baik dia sekarang jugak.” Nana laju mencapai telefon.

Syukur, idea aku berhasil. Rupa-rupanya pelajar Nana berada di kampung dan telefonnya rosak. Dia dihantar ke kampung sebelum PKP. Ibu dan bapa Nana pula sibuk dengan bisnes *online* mereka jadi tidak sempat untuk memeriksa mesej dan mengangkat telefon. Mujur juga Nana cepat-cepat mencari punca masalah jadi segera diselesaikan dan pelajar itu berjaya dihubungi dengan menelefon Neneknya.

Nana dan Iza bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah yang sama manakala aku pula Pensyarah di Kolej Akasia. Nana dan Iza bersahabat sejak zaman Universiti, aku pula mengenali mereka semasa mula-mula datang ke sini untuk bertugas di Kolej

Akasia. Waktu itu aku mencari rumah sewa dan kebetulan mereka juga mencari penyewa. Walaupun mereka berdua sahabat baik namun sejak aku tinggal di rumah sewa bersama-sama mereka, tidak pernah aku rasa dipinggirkan dan kini aku juga menjadi sebahagian daripada mereka.

Aku bersyukur dikurniakan sahabat sebaik mereka. Sepanjang dua tahun ini merekalah penemanku, penghibur kesunyian, perawat kerinduan kepada keluargaku yang jauh beratus batu di Johor. Nana dan Iza berasal dari Rompin, Pahang namun disebabkan oleh larangan rentas daerah, mereka juga senasib denganku. Tidak boleh pulang ke kampung sehinggalah entah bila. Hanya mampu berdoa kes Covid di Malaysia menurun dan kerajaan umumkan kebenaran rentas daerah & negeri.

.....

“Assalamalaikum ibu.”

“Walaikumusalam. Kakak dah makan ke?” Soalan wajib ibu setiap kali aku menelefonnya.

“Baru siap makan. Giliran Nana yang masak tadi.” Sengaja aku petik nama Nana.

“Oh Nana yang calon menantu ibu tu ke?” Terdengar tawa kecil ibu. Aku juga sama-sama ketawa. Sengaja ibu gelarkan Nana begitu kerana Abang Hariz ‘nampak’ berkenan dengan Nana dan pernah tanyakan aku tentang Nana.

“Nana tu pandai masak macam anak ibu ni. Dahlah baik, cantik pulak tu...”

Aku tidak jadi habiskan ayat saat Nana menapak masuk ke dalam bilik.

“Ibu kau ke? Kirim salam kat ibu ya.” Nana sekadar berbisik yang didengar oleh telingaku dan kurang sesaat dia sudah terbaring di sebelahku.

“Ibu, Nana kirim salam.”

“Walaikumusalam, kirim salam semula dekat Nana...dan Iza jugak.”

“Okay, ibu.”

“Ibu nak tanya ni? Kenapa *transfer* banyak sangat duit dekat ibu? Petang tadi ibu dapat mesej duit masuk ke akaun. Tiga ribu kakak *transfer*.”

Sebenarnya aku mahu rahsiakan daripada ibu tapi nampaknya terkantoi di tengah jalan. Bukan apa, jika aku bagitahu ibu pasti ibu ‘bising’ dan sudah terbukti sekarang.

“Ibu, tak banyak pun tu. Kakak kan dah lama tak balik rumah. Kalau balik rumah kakak belikan barang dapur dan apa-apa keperluan tapi sebab PKP jadi terhad kakak nak balik jenguk ibu, Abang dengan adik. Jadi ibu anggap aje duit tu sebagai pengganti barang-barang keperluan rumah.”

“Duit bulanan yang kakak bagi tu dah banyak, lepas tu bagi lagi duit lain. Anak ibu, jangan risau. Semuanya cukup, tiga ribu tu lebih daripada separuh gaji kakak. Ibu tak nak duit banyak-banyak. Apa yang ibu mahu anak ibu sihat, selamat dan *happy*.”
Nada ibu menurun.

“Ibu, ingat apa kakak pernah cakap. Berikan sesuatu dekat ibu adalah salah satu punca ‘rezeki’ kakak. Jadi ibu kena terima apa aje yang kakak berikan. Kalau nak dibandingkan dengan pengorbanan ibu besarkan Kakak, Abang dengan adik, tak terbanding walau sebesar zarah. Sejak ayah pergi, ibu berkorban segala-galanya.”

“Itu memang tanggungjawab ibu dan ibu bersyukur Allah kurniakan kekuatan dan semangat untuk ibu teruskan berjuang menjaga anak-anak ibu...dan ibu yakin Ayah di sana tenang, anak-anak semua berjaya dan jadi orang berguna. Alhamdulillah.”

Puas aku cuba tahan air mata namun gugur jua. Nana di sebelahku tepuk lembut bahu. Walau dia tidak mendengar ayat ibu, aku yakin dia memahami kenapa aku menangis. Esak aku tahan agar ibu tidak tahu aku menangis dan aku berjaya hentikan kristal cair yang gugur ke pipi.

Aku dan ibu berbual tentang macam-macam perkara. Setiap hari kami bercakap di telefon kira-kira sejam namun tidak pernah putus idea untuk berbual. Ada sahaja perkara yang hendak dibualkan. Kadang-kadang kisah *Messi*, kucing keluarga kami juga jadi bahan bercerita. Dengan berbual di telefon, *whatsapp* dan *video call* sahaja cara untuk kami sama-sama lepaskan rasa rindu yang memberat di jiwa. Kadang-kadang Abang dan Adik juga *join video call*.

Ibu kelihatan kuat, tidak pernah sekalipun menangis ketika bercakap di telefon atau *video call*...namun hakikatnya ibu selalu menangis mengenangkan aku yang jauh di perantauan. Adik yang tersasul memberitahuku. Katanya hampir setiap hari ibu menangis teringatku. Ibu mana yang tidak rindukan anaknya dan kerisauan pasti beraja di hati ibu dek kerana situasi *covid-19*. Aku juga sama, kadang-kadang tangis menjadi peneman. Ia tidak asing dan bukan aku sahaja yang menangis, Nana dan Iza juga kadang-kadang begitu. Bukan kami tidak kuat terima dugaan ini, tapi lain orang lain cara untuk zahirkan kesedihan. Bagi kami tangis ini salah satu cara kami zahirkan rasa sedih dan rindu kepada keluarga.

Beberapa minggu kemudian.

“Kelas kita sampai di sini sahaja...cuma saya nak mintak Fairuz dan Ziana untuk *stay*. Yang lain boleh *left google meet*. Terima kasih.”

Semua pelajar mula mengucapkan terima kasih dan meninggalkan *google meet*.

“*Miss Hana...*” Fairuz selaku ketua kelas memanggilku. Ada nada cuak pada suaranya. Hanya tinggal aku, Fairuz dan Ziana sahaja. Risau barangkali ada perkara yang tidak kena kerana aku hanya mahu ada kami bertiga sahaja di ruang *Google Meet* ini.

“Saya nak tanya kamu berdua tentang Alisha. Dua minggu dah dia tak *join* kelas. Bukan kelas saya aje tapi semua kelas lain pun sama jugak. Saya dah *call*, *whatsapp* dan telegram, semua tiada respon.” Aku pandang wajah Fairuz dan Ziana di skrin silih berganti.

“Saya pun sama jugak *Miss*, dia langsung tak respon. Saya ingatkan saya aje yang kena *ghosting* dengan Isha. Nombor telefon ahli keluarga dia saya tak ada pulak. Lagipun Isha ni memang berahsia tentang keluarga dia. Yang saya tahu dia anak yatim piatu dan tinggal dengan nenek dan atuk dia.” Info dari Ziana, kawan baik Alisha.

“Saya cuba *contact* nombor waris yang diberikan dalam sistem e-pelajar tapi tak dapat.”

“Setahu saya Isha memang orang sini.” Fairuz juga sama-sama berikan info.

“Kalau boleh pergi ke rumah dia, saya dan Penasihat Akademik memang nak pergi tapi sekarang PKP. Puan Norita pun dah cuba untuk menjejak Alisha tapi tak dapat. Tinggal baki dua minggu sebelum *final exam*. Ada kerja yang dia belum selesaikan dan mungkin akan beri kesan pada keputusan akhir. Lagi bahaya kalau dia tak jawab *final exam* sebab *confirm* akan gagal.” Tidak sedar keluhan kecil terluah dari bibirku.

Ya! Aku sangat risaukan perkara ini. Alisha pelajar yang tidak pernah ada masalah disiplin. Peribadinya baik, keputusan setiap semester juga cemerlang sejak dari semester 1. Aku yakin pasti ada sesuatu yang berlaku terhadapnya. Aku dan Puan Norita akan sama-sama berusaha untuk menyelesaikan isu ini. Kami tidak boleh biarkan pelajar tercicir. Tugas sebagai pendidik bukan sahaja mengajar anak bangsa, namun kebajikan dan keadaan pelajar juga kami perlu ambil peduli.

.....

Mataku membulat saat melihat susuk tubuh yang aku kenal. Aku yakin itulah orang yang aku cari selama beberapa hari ini. Walau wajahnya terlindung di sebalik *mask*, aku cukup kenal dengan mata dan sosok tubuhnya. Tanpa ragu-ragu aku menghentikan kereta di bahu jalan. Mujur sempat aku berikan *signal*. Dari cermin sisi, aku amati beberapa saat bagi mendapatkan kepastian dan ya itu memang Alisha!

Cepat-cepat aku matikan enjin dan keluar dari kereta. Hanya beberapa meter sahaja jarak antara keretaku dengan gerai tempat Alisha berada. Saat matanya menangkap wajahku, terus sahaja dia berlalu pergi meninggalkan gerai. Aku lajukan langkah untuk mengejarnya namun pantas sekali dia menghilang dari pandangan mata.

“Kamu ni siapa? Kenapa kejar cucu saya?”

Hampir gugur jantungku bila ada suara menegurku dari belakang. Suaranya cemas sekali. Aku palingkan wajah dan seorang wanita dalam lingkungan 60 tahun berdiri beberapa meter dariku.

.....

Rasa bersalah menyelubungiku saat tangis kedengaran. Sungguh aku tiada niat untuk meluluhkan hati Nenek Alisha namun aku terpaksa demi masa depan Alisha. Adakah aku dikira pentingkan diri sendiri? Jika bukan kerana *covid*, sudah aku peluk wanita ini. Air matanya dilap dengan hujung tudung bawal. Kami duduk berjarak 1 meter dan *mask* sentiasa dipakai. Gerai sudah ditutup kerana semua jualan sudah habis terjual.

“Nek Mah tak sangka Isha sanggup tipu Nek Mah...dia bagitahu yang dia tak ada kelas, Pensyarah bagi kerja dan kena siapkan kerja aje.” Kata Nek Mah sambil melawan tangis. Aku hanya mampu menghantar pandangan penuh sayu kepadanya.

Aku cuba menyusun ayat di dalam minda. Tidak mahu tersalah cakap, bimbang akan membuatkan Nek Mah lebih sedih. Aku biarkan Nek Mah dengan tangisnya untuk seketika. Mata meliar memandangi kiri dan kanan mengharap Alisha akan kembali ke gerai namun aku yakin selagi aku di sini pasti dia tidak akan kembali ke gerai milik neneknya ini.

Setelah berbual beberapa ketika dengan Nek Mah aku akhirnya membuat kesimpulan mengapa Alisha berubah. Sebelum pulang, aku minta nombor telefon Nek Mah. Nek Mah juga bersetuju untuk membantuku agar dapat bercakap dengan Alisha.

.....

“Assalamualaikum *Miss* Hana...”

Ada getaran pada suara Alisha.

“Walaikumusalam. Alhamdulillah, terima kasih sebab awak nak bercakap dengan saya.” Selembut mungkin suaraku. Dalam keadaan ini aku tidak boleh marah-marah dan perlu gunakan kaedah psikologi.

“*Miss*, saya betul-betul mintak maaf tentang siang tadi.”

“Saya terima maaf awak tu. Saya faham keadaan awak Alisha dan jangan risau, saya tak *judge* awak hanya kerana satu perkara sahaja.”

Alisha masih lagi diam di hujung talian. Aku setia menunggu jawapan balas daripadanya. Aku tidak boleh terlalu menekannya dengan pelbagai ayat serta pertanyaan dan perlu berikan ruang untuk Alisha meluahkan apa yang ada di fikiran dan hatinya secara ikhlas.

“Terima kasih *Miss* sebab *Miss* tak marah saya walaupun saya buat salah.” Akhirnya Alisha bersuara setelah sepi kira-kira beberapa saat.

“Ya awak buat kesalahan dan saya berhak marah awak tapi tak adil untuk saya buat macam tu. Sebagai orang yang lebih dewasa dari awak, saya perlu bagi ruang untuk awak jelaskan situasi dan masalah yang awak hadapi. Saya cukup kenal awak dan saya yakin ada sesuatu yang sebabkan awak berubah. Saya hanya nak bantu awak.”

“*Miss*, sebenarnya saya dah tak minat nak belajar. Saya nak berhenti belajar.”

Kata-kata Alisha buatku aku kaget sedetik namun aku harus mengawal perasaan.

“Nek Mah dah ceritakan pada saya yang Atuk awak kemalangan bulan lepas dan dia tak dapat buat kerja macam biasa. Jadi hanya Nek Mah yang bekerja untuk menampung keluarga...dan awak sebenarnya nak berhenti belajar sebab nak bantu nenek awak kan? Awak tak sampai hati nak tengok nenek awak bekerja seorang diri sebenarnya.” Tanpa bertapis aku ajukan soalan kerana aku yakin dengan firasatku.

Alisha terdiam seperti tadi. Selang beberapa saat, telingaku menangkap bunyi esak kecil. Aku yakin esak itu dia cuba tahan sebaiknya namun gagal.

“Alisha... *you can cry as much as you want. Let all the tears out.*” Aku berikan ruang untuk Alisha bertenang dan mengawal esak tangisnya.

“Saya...tak sanggup biarkan nenek saya...buat semuanya seorang...saya tak mahu bebankan nenek saya...” Esakan Alisha bersambung semula.

“Awak cucu yang baik Alisha dan saya nak awak tahu, kejayaan awak juga adalah kebahagiaan untuk Nenek dan Atuk awak. Andai kata awak berhenti belajar, awak rasa nenek awak akan *okay* dengan keputusan awak sedangkan awak satu-satunya harapan dia. Awak perlu fikirkan masa depan awak dan juga perasaan nenek awak. Tak salah untuk awak bantu nenek awak dan teruskan belajar. Ayat nenek awak yang sangat terkesan tadi, kejayaan awak umpama noktah bahagia untuk dia. Impian nenek awak hanya satu, untuk tengok awak berjaya dan hidup bahagia *in the future*.” Selembut mungkin aku lontarkan ayat-ayat ini.

Hampir sejam aku dan Alisha di talian. Terasa segala ayat memujuk telah keluar dari mulutku. Alhamdulillah aku berjaya dan Alisha membatalkan niatnya untuk berhenti belajar. Aku bersyukur kerana sempat ‘menyelamatkan’ Alisha sebelum dia tewas di medan pelajaran.

Pelbagai cara aku lakukan untuk membantu Alisha menyelesaikan semua kerja-kerja yang dia belum siapkan. Aku juga melaksanakan kelas malam khas untuk Alisha semata-mata untuk mengajar topik yang dia tertinggal dua minggu lepas. Bukan aku sahaja, pensyarah-pensyarah yang lain juga sama-sama berusaha untuk membantu Alisha. Mujurlah kehadiran Alisha ke kelas adalah penuh sebelum dua minggu dia ‘hilang’, jadi kehadirannya masih cukup syarat untuk lulus.

.....
Dua bulan kemudian.

Bunyi tangisan Nana dari dalam bilik mengejutkan aku dan Iza. Aku menonton drama di TV dan Iza pula sedang menanda kerja sekolah yang dihantar pelajar melalui telegram. Kami berdua saling berpandangan sebelum sama-sama masuk ke bilik untuk melihat Nana.

“Nana, kenapa ni?” Iza sudah berada di sebelah Nana sambil memegang bahu Nana. Aku pula menghadap Nana.

“Drama tu sedih sangat.” Nana halakan jari telunjuk ke skrin *laptop*. Drama Korea rupanya. Selamba aku cubit kecil lengan Nana. Mengaduh sakit dia sambil menyeringai.

“Issshhh, tahu tak terkejut aku dengan Iza ingatkan kenapa. Kita dah la dalam musim Covid ni.”

“Sakit betul cubit Hana oiiii.” Nana masih mengusap bekas cubitanku. Iza pula sudah mengekek ketawa.

“Bayaran sebab buatkan kami risau sangat-sangat. Ingatkan nangis sebab apa, rupanya oppa korea dia yang buat ya.” Tergeleng-geleng kepalaku dengan tingkah Nana yang satu ini.

Bukan kali pertama dia menangis beria disebabkan oleh drama Korea. Cuma kali ini, dengan situasi covid macam-macam yang terlintas di fikiran bila dengar tangisan Nana tadi. Mana tahu mungkin ada ahli keluarganya yang dijangkiti, minta dijauhkan sangat-sangat.

Juga dalam keadaan dunia dilanda Covid-19 ramai yang terganggu emosinya. Terkesan dengan pendapatan, tidak dapat pulang berjumpa keluarga, terasa terkurung dan macam-macam lagi. Jika emosi terganggu di zaman covid, segera dapatkan bantuan dan jangan dipendam. Selain daripada keluarga atau rakan-rakan, juga boleh dapatkan bantuan melalui Talian Sokongan Psikososial, *Malaysian Relief Agency*, *Befrienders* dan macam-macam lagi. Kita juga perlu peka dan sensitif dengan keadaan ahli keluarga dan rakan-rakan di sekeliling. Pendek kata, sama-sama kita menjaga emosi masing-masing.

.....

“Iza bawak kereta elok-elok. Jangan laju-laju sangat dan kalau mengantuk berhenti dulu dekat mana-mana RnR terdekat. Nana pastikan jadi *co-pilot* yang aktif, *keep talking to* Iza. Jangan kau pulak yang mengantuk.” Aku gelak di hujung ayat.

“Baiklah intak payungku Cik Hana yang cantik.” Nana tabik spring. Dia juga sama-sama ketawa.

“Jangan risaukan aku dengan Nana. Kami berdua, kau tu seorang dekat rumah. Pastikan pintu kunci sepanjang masa. Bila nak keluar, cepat-cepat kunci rumah dan masuk dalam kereta. Apa-apa yang mencurigakan terus *call* jiran. *Baseball bat* dengan *spray* cili letak dekat supaya mudah capai.” Panjang lebar pesanan daripada Iza.

“Iya, aku dengar dan buat semua pesanan tu. Jangan risaukan aku.”

“Dia risaukan orang boleh, orang risaukan dia tak boleh. Eiiii cubit karang.” Iza sudah angkat tangan untuk menampar bahu. Laju aku menyorok di belakang Nana.

“Kita jumpa minggu depan tau, aku sayang kau sangat-sangat tau.” Nana tiba-tiba menangis. *Cry baby* betul *roommate* aku ini.

"Iya, kita mesti jumpa minggu depan. Yang nangis kenapa, bukan berpisah lama pun. Janganlah buat aku risau, perjalanan dah lah jauh. Karang ada yang menyorok curi-curi balik ikut kau dengan Iza." Hujung jariku mengelap air mata di pipi Nana.

Kami bertiga sama-sama berpelukan.

Rezeki Iza dan Nana berasal dari daerah yang sama, jadi bolehlah pulang ke kampung berdua. Minggu lepas larangan rentas daerah ditamatkan, jadi mereka terus ambil peluang untuk pulang ke kampung. Aku pula entah bila boleh pulang ke kampung berjumpa Ibu, Abang dan Adik. Sedih dan perit namun tetap perlu ditelan.

.....

"Assalamualaikum, Kakak."

Adik yang menjawab telefon.

"Waalaiikumusalam Adik. Ibu mana?"

"Ibu tengah tidur. Nanti ibu dah bangun, Adik bagitahu ibu yang kakak *call*."

"*Okay*. Kakak *call* lepas Subuh tadi ibu tak angkat."

Pelik juga ibu tidur pukul 12.00 tengah hari. Ibu bukan jenis tidur siang, walau mengantuk atau penat macam mana sekalipun ibu tetap lawan mata agar tidak tidur siang.

"Lepas Subuh tadi ibu tidur semula sebab ibu pening kepala...rasa macam nak demam ibu ca....."

"Ibu tak sihat??? Macam mana keadaan ibu tu?" Belum sempat adik habiskan ayat aku sudah memotong.

"Ehhh tak tak ibu *okay* je kakak. Adik tersilap cakap, kakak abaikan ya."

"Adik tak baik tipu kakak, cakap yang betul. Kakak kena tahu juga keadaan kesihatan ibu. Semalam *video call* ibu *okay* lagi." Hanya Allah yang tahu tahap kerisauanku saat ini.

"Kakak *calm down okay*. Jangan panik, ibu dah makin *okay*. Pukul 10 tadi Abang bawak ibu ke klinik, *test covid* pun dah buat dan negatif. Lepas makan ubat tadi ibu tidur." Tenang sekali suara Adik menjelaskan. Salah satu kelebihan orang lelaki berbanding wanita adalah boleh bertenang dalam banyak situasi.

“Alhamdulillah, apa-apa nanti bagitahu kakak ya. Bila ibu dah larat sikit, boleh kakak *call* cakap dengan ibu.” Aku tarik nafas lega, air mata juga tidak jadi keluar.

Sepanjang hari setiap satu jam aku bertanyakan keadaan ibu dalam *Whatsapp Group* keluarga kecil kami. Malamnya demam ibu makin kebah. Tidak sabar rasanya untuk bercakap dengan ibu esok. Terasa janggal tidak mendengar suara ibu walau sehari namun aku tidak mahu mengganggu ibu berehat. Bila bercakap nanti ibu perlu gunakan tenaganya.

Alhamdulillah, ibu makin sihat. Dah boleh bangun hari ni. Kakak jangan risau.

Aku ucapkan syukur berkali-kali setelah membaca *whatsapp* daripada ibu.

Aku balas *whatsapp* itu dengan *voice message*.

Ibu jaga diri elok-elok. Kakak mintak maaf tak dapat ada dengan ibu masa ibu sakit. Kakak rindu nak bercakap dengan ibu macam selalu, nanti bila ibu dah sihat sepenuhnya baru kakak telefon. Kita berbual lama-lama macam selalu. Kakak sayang ibu dunia akhirat.

2 hari kemudian

Sehingga ke hari ini aku masih belum bercakap dengan ibu. Sekadar berbalas *whatsapp* itupun berbalas dua ke tiga mesej sahaja. Alhamdulillah hari ini kesihatan ibu telah pulih sepenuhnya. Tengahari nanti aku sudah berjanji akan menelefon ibu dan mahu bercakap lama dengan ibu seperti selalu. Hari ini juga keputusan peperiksaan Kolej Akasia juga dikeluarkan.

Pagi-pagi lagi aku sudah menerima *whatsapp* daripada beberapa orang pelajar. Masing-masing menyatakan ucapan terima kasih dan rasa syukur atas keputusan yang diterima. Alisha pula katanya belum menyemak keputusan. Pasti perasaannya bercampur baur antara teruja dan risau. Disebabkan itu, aku buat keputusan untuk ke gerai Nek Mah, berjumpa dengannya di sana untuk tunjukkan keputusan Alisha yang sangat cemerlang.

Usaha kerasnya terbayar. Aku menjadi saksi betapa gigihnya Alisha mengejar dan mendapatkan semula segala PdP dua minggu yang dia tercicir itu. Peluang yang diberikan kepadanya tidak disia-siakan. Aku juga sempat buat kek gula hangus

selepas subuh tadi untuk diberikan kepada Alisha dan jiran-jiran terdekat. Masih panas lagi kek, tunggu sejuk sikit aku akan potong dan letakkan ke dalam bekas.

Tepat jam sebelas pagi aku keluar rumah. Sebelum ke rumah Alisha, aku hantar dulu kek kepada jiran-jiran terdekat. Jiran-jiranku juga sangat baik, selalu menghantar makanan ke rumah terutama jiran sebelah rumahku. Usai menghantar kek ke rumah jiran, aku teruskan perjalanan ke gerai Nek Mah.

Entah kenapa perjalanan yang hanya sepuluh minit terasa agak lama. Sampai di lampu isyarat terakhir sebelum tiba di gerai Nek Mah, lampu isyarat bertukar merah. Tiada kereta di hadapan dan belakangku. Sambil menunggu lampu isyarat bertukar hijau aku sempat capai telefon dan menghantar *voice message* kepada ibu.

Assalamualaikum, ibu. Kakak on the way nak jumpa student kakak. Kakak sayang ibu dunia akhirat. Maafkan kakak atas salah silap kakak. Rindu nak dengar suara ibu...

Telefon aku letakkan semula ke dalam beg. Mata kembali fokus ke lampu isyarat. Tidak banyak kereta dan jalan agak tenang. Sesekali matakku melihat cermin sisi dan cermin pandang belakang. Sebuah kereta merah di belakangku nampak laju dan kini sudah hamper dengan keretaku. Lampu isyarat masih merah, mana mungkin aku...

Terasa hentaman yang sangat kuat dari arah belakang sekaligus bunyi dentuman yang kuat...dan dalam sesaat, aku dapat rasakan kesakitan yang amat sangat.

Allah, Allah, Allah....ibu....ayah....

Terasa ada cecair mengalir membasahi tubuhku. Aku cuba sedaya upaya gerakkan tubuh namun gagal. Tiada bahagian yang mampu digerakkan walau seinci. Sakit sangat sehingga aku tidak dapat membuka mata. Saat ini mindaku terbayangkan wajah ibu dan mengharap aku dapat mendengar suara ibu dan memeluk ibu **UNTUK TERAKHIR KALINYA....**

Ya ALLAH.

TAMAT


HATI YANG LELAH
NURUL AISYAH BINTI ABDUL GHANI @
TINI HARDANISYAH

Saban hari hati ini merintih
Melihat Corona kian mengganas
Ada hati yang terluka
Ada jiwa yang meratap
Ada rindu yang terpatri
Ada nyawa yang tergadai

Dalam gelap pekat malam
Yang kutitip hanya doa
Biar segala cinta memeluk kemas
Biar segala rindu terpadam sepi
Agar yang kusayang dalam jagaan
Dalam lindungan tanpa gelisah

Sejenak aku terkenang
Segala kenangan yang dibina
Dahulunya indah dan manis
Kini direntap Corona tanpa belas
Hanya hati yang kuat mampu menempuh
Kuatnya demi yang tersayang

Tahun berlalu
Begitu saja tanpa aku sedari
Dengan norma baharu menjerat hati
Kadang apa yang dirancang tidak menjadi
Semua bagai berlalu pergi
Dalam detik waktu tanpa henti



HATI YANG LELAH
NURUL AISYAH BINTI ABDUL GHANI @
TINI HARDANISYAH

Dan hari-hariku masih begitu
Mengharap akan ternoktah segala rindu
Pada mereka yang jauh di mata
Kunanti waktu kita bersua
Segala cinta kembali menyatu
Namun terkadang aku kalah
Kerana sungguh hati ini lelah

Ayah,
Kini setiap panggilan
Sepi tanpa ada jawapan
Tamat sudah semua harapan
Wajahmu tidak dapat lagi jadi tatapan

Diri ini amat merindu
Senyum tawa dari wajahmu
Umpama hadiah yang ditunggu
Setiap pulang ke kampung bertemu

Setiap peluh keringat
Akan sentiasa kuingat
Beban yang ditanggung olehmu berat
Demi kehidupan kami menjadi berkat

Sedih perit derita yang dirasa
Bukan diri ini tidak redha terima
Namun tidak mudah untuk jadi biasa
Kerana dirimu sentiasa ada setiap masa
Kehilangan yang amat sakit di hati dan jiwa

Tidak sempat kubalas pengorbanan
Hanya yang mampu kulakukan
Doa buatmu selalu kusampaikan
Sedekah untukumu sentiasa dibekalkan

Kehilanganmu amat kurasai
Bukan mudah bangkit kuatkan diri
Tiada sedetik ayah hilang dari hati
Pada Tuhan kuadu semua sedih ini

Andai mampu kuputar masa
Akan kulakukan semua yang tersisa
Tanpa kisah segala tenaga dan masa
Keraname Pahlawan hidupku sentiasa

Derita itu tidak semua yang tahu
Yang kupikul bukan sahaja di bahu
Tangis juga belum habis masih selalu
Kadang peneman di kala malam berlalu

Terima kasih untuk segalanya Ayah
Walau kini kita jauh terpisah

Kasih yang kau beri belum cukup kurasai
Kupanjatkan doa agar kita bertemu di sana nanti



KATEGORI PELAJAR



Bab 1

Sudah 10 bulan aku membawa diri ke negeri Pahang Darul Makmur. Balik ke rumah pun tidak selalu. Tambah lagi waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada Mac 2020, lagilah aku tidak berpeluang untuk balik ke kampung hingga sekarang dan hanya mampu membuat 'video call' saja. Bukan mudah untuk hidup di tempat orang. Banyak dugaan dan cabaran yang perlu aku hadapi. Aku membawa diri ke negeri orang adalah kerana untuk mengubat kekecewaan yang aku sendiri timbulkan dan untuk mengelakkan pergaduhan dengan ibu bapaku lagi. Seketika fikiran ku terbayang akan wajah kedua insan yang paling ku sayang dan terlayar peristiwa yang penuh duka dalam fikiran ku.

Julai 2019

"Kenapa mu berhenti KUIS? Mu tahu walid dah banyak keluarkan duit waktu mu nak masuk belajar. Mu boleh berhenti macam tu je. Mu tahu walid kecewa dengan mu. Mu tahu susahnyanya walid mu nak cari duit." Ucap Umi. Nada suara umi masih mendatar dan mata umi memerah mungkin menahan kecewa.

Aku hanya diam dan menunduk. Dada mula dipenuhi dengan rasa sebak sehingga sukar untuk bernafas. Mutiara jernih mula bertakung di tubir mata. Pada bila-bila masa saja empangan boleh pecah. Aku cuba menahan diri daripada menangis.

"Mu dah hancurkan harapan kami. Aku ni nak cakap dengan mu, sebab mu tu anak aku je. Kalau tak, aku buat tak tahu je. Walid tak nak cakap dengan mu sebab dia betul-betul kecewa dengan mu. Lepas ni kalau mu nak belajar pandai-pandailah cari duit sendiri." Ucap umi lagi. Nadanya sayu.

"Umi, bukan yah saja-saja nak berhenti. Tapi Yah memang dah tak boleh buat. Yah takut gagal. Kalau gagal walid kena bayar banyak lagi. Lagi susahkan walid. Umi tahukan, Yah tak minat dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan. Umi tolonglah pujuk walid. Yah nak belajar lagi. Yah nak belajar menjahit." Ucapku sebak. Tidak mampu untuk aku tahan lagi. Laju saja mutiara jernih itu meluncur membasahi pipi ku.

"Mu dari awal masuk KUIS asyik cakap pasal gagal je. Tapi mu tak pernah cuba. Mu nak belajar balik, pandai-pandailah mu cari duit. Pujuklah walid mu sendiri. Mu yang cari pasal." Kata umi tegas. Umi tetap dengan pendiriannya

Aku hanya diam dan berlalu pergi. Malas mahu memanjangkan cerita. Malas juga mahu bertikam lidah. Tiada guna pun. Hanya sia-sia saja. Aku masuk ke bilik dan duduk di katilku. Air mata masih lebat membasahi pipi.

"Apa yang perlu aku lakukan sekarang? Macam mana dengan masa depan aku sekarang? Apa aku nak jadi apa kalau tak belajar?" Getus hatiku.

Aku merenung ke arah dinding yang berlawanan dengan ku. Sambil itu otak ku ligat berfikir bagaimana masa depan ku. Apakah masa depan ku sudah hancur. Pelbagai persoalan yang bermain di minda. Kini, dari duduk posisi ku sudah berubah kepada baring. Air mata masih setia menemaniku. Terasa hendak cederakan diri pun ada. Rasa nak bunuh diri? Lagilah ada. Terasa aku macam anak yang tak berguna. Aku terasa penat dan tak mampu untuk teruskan hidup lagi. Perlahan-lahan aku pejamkan mata dan aku berharap ini semua hanya mimpi saja. Tidak lama kemudian aku terlena dalam tangisan yang masih bersisa.

Aku tersedar dari lena ku. Kegelapan sudah mula memenuhi ruang bilik. Aku mula meraba-raba mencari telefon pintar ku yang berada di bawah bantal. Setelah aku dapat mencapai segera aku menghidupkan telefon itu untuk melihat jam.

"Ya Allah. Dah pukul 7.30 malam. Lama betul aku tidur." Ucapku perlahan.

Segera aku bangun lalu membersihkan diri lalu menunaikan kewajipan ku sebagai seorang umat Islam. Setelah selesai, aku pergi mencari walid. Aku ingin selesaikan hal ini hari ini juga kerana sudah dekat 3 bulan aku dan walid tak bertegur. Aku tak mahu dosaku makin bertambah. Aku lihat walid di dalam biliknya baru saja selesai berdoa kepada Yang Maha Esa. Umi juga ada bersama ketika itu. Aku perlahan-lahan mendekati walid. Perasaan gugup dan takut menerpa. Apa saja yang walid kata aku perlu akur. Ini semua kerana kesalahan diri ku sendiri.

"Walid." Panggil ku perlahan.

Walid tidak memberi apa-apa reaksi.

"Walid. Yah mintak maaf. Yah tahu Yah salah." Ucapku.

Walid masih tidak memberi apa-apa reaksi. Rasa sebak mula menerpa. Aku cuba menahan diriku daripada menangis. Aku cuba kuatkan hati untuk pujuk cinta hati ku itu. Bagiku aku tidak boleh berputus asa kerana aku lah punca segalanya terjadi. Aku yang mulakan dan aku juga yang perlu akhikan.

"Walid, Yah mintak maaf. Janganlah senyap. Yah rasa tak selesa. Yah tahu Yah salah. Yah dah kecewakan umi dengan walid. Yah tak bincang dengan walid nak keluar KUIS." Ucapku. Semakin lama rasa sebak makin bertambah. Tubir mata sudah mula dipenuhi dengan mutiara jernih.

Walid tetap tidak memberi reaksi. Malah walid bangun dan terus baring di katil. Mungkin hati tua itu benar-benar kecewa. Manakan tidak, aku satu-satunya yang dia harapkan tapi aku jugalah yang menghancurkan harapannya. Aku segera mengikuti walid ke katil. Aku duduk di sisinya.

"Umi tolonglah pujuk walid. Orang tak nak walid senyap je. Yah nak belajar lagi. Yah tahu Yah dah tersilap langkah. Yah buat keputusan terburu-buru" Aku merayu pada umi. Kini air mata sudah meluncur laju membasahi pipi ku.

Umi juga tidak memberi apa-apa reaksi. Menandakan aku perlu melakukannya sendiri. Aku merayu lagi dan lagi memintak umi untuk pujuk walid. Hingga akhirnya umi bersetuju untuk memujuk walid.

"Abang cakaplah dengan anak tu. Maafkan dia." Pujuk umi lembut.

"Awak ni saya nak tidurlah." Kata walid. Dia sepeti benar-benar jauh hati denganku.

"Walid, Yah mintak maaf. Yah nak belajar lagi macam anak orang lain. Janganlah senyap." ucapku bersungguh-sungguh. Nada ku sudah mula tersedu-sedu.

Walid masih diam dan kali ini berpaling dariku.

"Abang cakap lah dengan anak kita. Maafkanlah dia. Kita ni tak tahu bila kita mati. Nanti tak sempat maafkan dia macam mana." Umi masih setia memujuk.

"Awak tahu tak dia dah kecewakan saya. Dia hancurkan harapan saya. Saya nak bagi dia belajar balik pun saya dah hilang rasa percaya. Lagipun saya dah tak ada duit." Ucap Walid. Suaranya sedikit meninggi. Jelas sekali kekecewaannya

"Walid, Yah mintak maaf. Lepas ni kalau Yah dapat belajar, Yah tak buat macam ni lagi. Yah menyesal. Sebelum Yah belajar balik, Yah janji cari duit sendiri." Ucapku. Aku masih cuba memujuk hati tua yang merajuk itu.

Aku tidak hiraukan lagi air mata yang sudah lebat membasahi pipi ku. Biarlah, asalkan aku dapat kemaafan darinya kerana itulah kunci keberkatan hidupku. Lagipun dia segala-galanya bagiku.

"Aku dah bagi mu peluangkan. Tapi mu yang sia-siakan. Mu cakap mu boleh berjaya. Tapi mu hampakan kami. Mu sebenarnya nak apa? Bukan seratus dua aku keluarkan duit masa mu nak masuk KUIS. Beribu-ribu. Aku sakit pun sanggup hantar mu sebab mu nak belajar. Tapi apa mu buat dekat aku dengan umi mu. Mu berhenti KUIS." Ucap walid. Nadanya penuh kekecewaan.

Bagaikan belati yang tepat terkena pada hatiku. Pedih dan perit untuk ku telan setiap ayat-ayat walid.

"Yah tahu. Yah mintak maaf. Janganlah senyap. Tolonglah maafkan Yah. Yah betul-betul nak belajar balik. Yah janji Yah cari duit sendiri dulu sebelum belajar." Janji ku pada kekasih hatiku itu.

"Bang, maafkanlah." Ucap umi lembut.

"Okay abang maafkan dia. Kalau betul-betul mu nak belajar balik. Mu kerja cari duit dulu. Kalau tak pandai-pandai mu nak hidup." Ucap walid. Egonya mula dipadamkan.

"Walid, yah mintak maaf. Yah tahu Yah dah kecewakan walid. Yah hancurkan harapan walid. Yah tetap sayang walid. Yah minta maaf sebab tak mampu nak belajar tinggi-tinggi macam anak orang lain yang ada diploma, ijazah apa semua." Ucapku. Nadaku makin lama makin sayu.

"Dah kakak. Pergi masuk bilik. Biar walid tidur." Ucap umi.

"Walid, janganlah diam je. Yah tak nak walid senyap. Yah nak cakap ngan walid macam orang lain cakap dengan walid. Macam anak orang lain cakap ngan ayah dia. Yah rindu nak bergurau dengan walid. Yah tak ada siapa-siapa dalam dunia ni. Yah sayang walid." Ucap ku lagi.

Walid dari posisi baring terus duduk menghadap ku.

"Kalau mu sayang walid. Pergi cari kerja. Lepastu baru belajar balik. Walid tak kisah mu nak belajar apa pun. Walid suruh mu belajar sebab walid sayang. Walid nak tengok anak-anak walid senang. Walid tak harap duit mu pun nanti. Cukup tengok anak-anak walid senang pun dah buat walid senang. Walid paling harap dekat mu, kak. Sebab mu anak sulung. Mu kena tunjuk contoh dekat adik-adik mu. Kalau mu tak jadi contoh yang baik, macam mana adik-adik mu nak jadi orang yang baik. Tak ada ibu bapa yang tak sayang anak dia. Tak ada ibu bapa yang nak tengok anak dia susah. Hari tu mu cakap nak tukar bidang pengajian, walid rasa lega walaupun mu tak belajar agama sepenuhnya. Tapi tetap mu dapat agama sikit-sikit. Walid tak kisah kak kalau mu gagal, asalkan mu dapat agama. Kalau mu gagal walid sanggup bayar berapa pun. Kalau mu nak balik tiap

minggu pun walid sanggup ambil. Walid sanggup ikat perut demi mu nak belajar sebab walid tahu mu boleh berjaya." Panjang lebar penjelasan walid. Nadanya lembut saja. Air matanya mula menitis.

Tanpa kata-kata. Aku terus memeluk lelaki yang sudah membesarkan ku selama 19 tahun itu. Rasa seperti tidak mahu melepaskan. Terasa tenang saja. Tiba-tiba terasa ada tangan kasar yang mengusap-usap lembut ubun-ubun ku. Aku sudah dapat tahu siapa. Pasti walid. Terasa kasih sayangnya kepada ku.

"Umi dengan walid sayang mu tau. Sebab tu kami nak mu belajar macam anak orang lain. Nak tengok mu senang. Mu berjaya. Tak apa lah sekarang ni kita lupa yang dah lepas. Buka buku baharu." Beritahu umi.

"Dah pergi tidur. Rehat." Ucap walid.

Aku segera melepaskan pelukan. Air mata yang masih mengalir, aku seka. Terasa lega sedikit. Aku menyalam kedua orang tuaku dan mengucapkan selamat malam serta menyatakan aku sayang pada mereka dan meminta maaf atas segala kekecewaan yang aku lakukan. Lalu beredar untuk tidur.

"Yah! Tolong tengok adik kejap."

Bahu ku sedikit terangkat kerana terkejut apabila terdengar ada yang memanggil ku. Lama juga aku berkhayal. Aku segera bergegas masuk ke dalam rumah.

"Yer Mak Lang. Nak apa?" Tanya ku.

Sebenarnya aku tidak dengar apa yang mak lang katakan tadi. Hanya dengar nama ku saja di panggil.

"Ni jaga Saif. Mak lang nak masak. Kalau boleh tidurkan adik sebab dia tak tidur lagi. Esok kan nak raya." Beritahu mak lang sekali lagi.

Aku segera mengambil Saif daripada tangan mak lang.

"Tahun ni nampak gaya tak baliklah kita. Pkp kan." Ucapku. Terasa hampa sedikit.

"Iyalah. Sedihlah pulak. Ini lah pertama kali mak lang raya jauh dari nenek dengan atuk. Adik lagilah belum pernah raya dekat sana dah PKP." Ucap mak lang. Nadanya sedikit sayu.

Aku hanya diam tak membalas apa-apa. Aku terus beredar dari situ dan mencapai botol susu Saif. Aku duduk di atas tilam dan membiarkan Saif baring di atas riba ku. Aku

menyuakan botol susu ke mulut Saif. Laju saja dicapainya. Mungkin lapar agaknya. Aku menepuk perlahan-lahan punggungnya lalu mengalunkan zikir untuknya. Tak lama kemudian, Saif tertidur.

"Yayah sayang adik. Sebab adik, Yayah makin kuat. Yayah masih rasa nak hidup. Kalau tak entahlah." Ucapku perlahan pada Saif yang sudah lena. Aku kucup dahinya penuh dengan rasa kasih dan sayang.

Masa mula-mula jaga Saif, hanya rasa sayang yang biasa saja. Tetapi, lama-kelamaan perasaan sayang kian mendalam hingga takut kehilangannya. Untuk pengetahuan, aku diupah menjaga Saif oleh Mak Lang sebanyak RM 300 sebulan. Dari situlah aku mula mengumpul duit untuk menyambung pelajaran.

Perlahan-lahan aku meletakkan Saif di atas tilam. Selepas selesai aku baring di sebelahnya. Aku mengusap lembut ubun-ubnnya. Dalam tak sedar, aku juga turut lena dibuai mimpi.

Bab 2

"Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar. Laa ilaaha illallahu wallahu akbar. Allaahu akbar walillaahil hamd"

Takbir raya sudah mula kedengar di televisyen. Bermaksudnya sudah bermula 1 syawal yang dinanti-nantikan umat Islam. Tapi, hari raya kali ini terasa sedikit berbeza kerana beraya dalam keadaan PKP. Tidak boleh solat sunat berjemaah dan kunjung mengunjungi malah tidak boleh rentas negeri untuk balik ke kampung. Begitu juga dengan aku untuk tahun ini. Raya jauh dari keluarga. Ini kali pertama dalam sejarah hidupku. Bak kata umi beraya di perantauan. Sedih? Usah ditanya, siapa yang tidak sedih. Sudah biasa bersama keluarga, tiba-tiba kerana keadaan yang mendesak terpaksa berjauhan.

Aku dan Saif awal pagi lagi sudah bersiap-siap. Walaupun raya tidak semeriah dulu tapi sebagai umat Islam, aku tetap menyambut raya atas tanda kemenangan setelah sebulan perpuasa. Aku sudah lengkap dengan baju kebaya hitamku. Nasib baik mak lang sempat beli sebelum raya. Kalau tidak entah apalah aku pakai dengan baju kurung aku tak bawa masa datang ke sini. Kini, aku hanya menunggu Mak Lang dan Che Lan bersiap-siap. Setelah mereka bersiap-siap, aku seperti biasa duduk di hadapan Mak Lang dan bersalaman serta memohon kemaafan.

"Mak Lang, kalau Yah salah. Yah mintak maaf." Ucapku.

"Mak Lang pun. Nah! Duit raya" Balas Mak Lang. Mak Lang menghulurkan sekeping sampul berwarna putih.

Aku menyambut hulurannya lalu bermaafan dengan Che Lan pula. Selepas selesai, aku membuat 'video call' pada ahli keluarga yang berada jauh di Selangor. Tak sampai beberapa saat mereka menjawab panggilan video ku.

"Selamat hari raya kakak, mak lang, Saif." Ucap mereka serentak.

"Selamat hari raya." Ucap mak lang.

Aku hanya jadi penonton setia. Perasaan sebak mula terasa. Rindu pada kedua orang tuaku terasa sangat-sangat mendalam. Aku ingin memohon maaf pada mereka terhadap segala dosa ku pada mereka. Tapi ku tahan niatku. Aku hanya mampu menghantar mesej saja. Tidak mampu untuk bercakap. Ketika itu terbayang wajah kedua insan yang paling dicintai itu. Terasa banyak dosaku dengan mereka.

Aku melihat Mak Lang kembali, dia sudah menamatkan panggilan video itu tanpa aku sedari. Dia sudah menangis merindukan nenek. Melihat mak lang menangis, membuat hatiku sedikit terusik. Perlahan-lahan kolam air mata terbina di tubir mata ku dan akhirnya gugur juga air mataku.

"Mu kenapa menangis Yah?" Soal mak lang sambil mengesat air matanya.

"Dah mu nangis. Yah pun nangis lah. Lagi pun rindu dekat umi dengan walid." Jawabku.

"Mu tulah, bila ada bergaduh je. Bila jauh rindu." Ucap mak lang.

Ayat mak lang bagaikan anak panah tepat terkena pada sasarannya. Pedih! Tapi benarlah orang kata, kita bila dia ada depan mata kita tak menghargai, tapi bila jauh atau sudah tiada, ketika itulah kita mula sedar dan merindui.

"Memanglah. Tapi dah jauh macam ni baru terasa. Baru sedar. Dahlah jangan nangis. Jom kita pergi makan dah lapar." Ucapku lagi.

"Mu ni buat aku hilang pula rasa sedih." Ucap mak lang.

Aku dan Mak Lang segera mengawal tangis. Lalu menyeka air mata yang bersisa. Bila keadaan sudah mula kembali reda, kami pergi menjamah juadah hari raya bersama-sama. Selepas selesai makan, kami mengambil beberapa gambar buat kenangan.

"Mak Lang, nak pinjam telefon. Nak tengok facebook umi." Ucap ku.

Mak Lang memberi telefonnya. Aku mengambil telefon itu. Aku mula membuka aplikasi 'facebook' lalu menaip nama umi dan tak lama kemudia terpapar 'facebook' umi. Segera aku tekan. Aku selak segala 'post' umi, ada dalam tiga atau empat 'post' nya yang menarik perhatian ku.

'Rindu dua ketul ni' tulisnya dan diletakkan gambar aku dan Saif.

'Kawan gaduh. Bila jauh rindu' tulisnya lagi dan diletakkan gambar ku.

Sebak terasa. Tidak sangka selama ini yang ku fikirkan tak sama dengan yang kenyataannya. Aku selalu fikir, ummi benci dan tidak kisah denganku selepas peristiwa aku berhenti KUIS itu. Tapi tidak sangka dia masih merindukan ku walaupun sudah banyak kali kecewa dengan ku. Belum sempat tubir mata penuh, cecair hangat sudah laju meluncur membasahi pipiku. Mak lang yang sedar akan itu terus bertanya.

"Mu kenapa nangis lagi?"

"Umi ni, Yah ingat dia tak kisah dah pasal Yah. Yah ingat dia tak rindu pun Yah." Luahku.

Ketika ini aku hanya ada Mak Lang untuk meluahkan segala rasa.

"Kak, nanti mu jadi mak. Mu fahamlah perasaan umi macam mana. Walaupun macam mana sekali anak dia jahat atau buat salah, rasa sayang dan cinta dia tak pernah luput. Walid tu, bukan tak sayang mu. Masa mu hilang sehari tu. Dia yang suruh mak lang call mu. Dia risau. Dia cuma kecewa. Lepas ni kalua mu dapat belajar. Belajarlah betul-betul." Pesan Mak Lang.

Air mata ku semakin lebat bila tahu akan kebenaran. Bagaikan tidak mahu berhenti pula. Selama ini yang aku fikirkan walid dan umi sudah benci pada ku. Rupanya mereka sangat-sangat sayang pada ku.

"Mak lang, nanti kalau boleh balik. Kita balik ya." Ucapku. Nadaku sedikit tersedusedu.

"Iyalah. Tak apa kak, jauh macam ni. Sekurang-kurangnya dosa kita kurang. Mak lang pun pernah rasa apa mu rasa. Dulu nenek tak suka dengan Che Lan. Mak lang pun ambik keputusan yang sama." Ucap mak lang. Dia cuba memberi semangat pada ku.

Aku hanya diam dan membiarkan air mata menemaniku. Bagiku dengan menangis saja dapat meluahkan segala perit yang aku rasa. Air mata juga dapat mengubati hati yang berduka.

Dari sini aku mula berazam, jika aku dapat belajar semula, aku akan buat yang terbaik. Aku tidak mahu hampakan hati mereka lagi. Bagiku yang berlalu biarlah berlalu. Aku perlu teruskan hidup untukku, kerana yang lepas tak boleh diulang kembali. Memang yang lepas tak boleh diubah tapi masa akan datang boleh diperbaiki.

Bab 3

Hari demi hari aku lewati seperti biasa. Lakukan rutin harian dan jaga Saif. Setiap hari bangun dengan azam yang sama iaitu untuk gembirakan hati syurgaku. Tapi selepas kejadian hari raya hari itu, hidup ku rasa banyak yang berubah seperti lebih tenang dan positif. Hari ini aku menemani Mak Lang menghantar Saif bertemu dengan pakar kanak-kanak di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh. Aku duduk di luar hospital kerana semenjak PKP dilaksanakan hanya yang tertentu sahaja boleh masuk. Sedang aku leka duduk memerhatikan orang-orang yang ada di sana, tiba-tiba telefon ku berdering menandakan ada panggilan yang masuk. Aku segera menjawab panggilan itu dan melekap telefon pada telinga ku.

“Hello?” Aku memulakan bicara.

“Hello. Kami dari Sri Kandi kolej. Adik ada mohon untuk kemasukkan sesi bulan lapan ni kan?” Ucap pemanggil. Suaranya kedengaran seperti seorang wanita.

“Iya, saya ada mohon.” Balasku.

“Okay, adik nak terima ke tawaran untuk masuk ke sini?” Soal si pemanggil.

“Saya berminat tapi kak, pihak kolej akan bantu ke untuk dapatkan pinjaman?” Soalku pula.

“Ermmm. Untuk pinjaman tu susah sikit dik. Lagi-lagi musim PKP ni. Nanti mungkin adik boleh mohon zakat ke.” Jelas pemanggil.

“Kak, kalau saya nak bayar guna tanggungan sendiri, yuran pengajian untuk satu sem berapa ye?” Soalku untuk tahu lebih lagi.

Memang sebelum PKP aku pernah menerima tawaran dari pihak Sri Kandi Kolej ini tapi apakan daya Allah itu sebaik-baik perancang dengan menyuruh aku cari duit dahulu. Waktu itu aku yakin, Allah akan memberi yang terbaik.

“Yuran pengajian untuk satu sijil RM 5000 lebih dik.” Ucap si pemanggil.

Aku menelan air liur mendengar jawapan yang diberi oleh wakil Sri Kandi Kolej itu. Mana nak dapat duit sebanyak itu. Silap hari bulan mahu berhutang.

“Tak apalah kak. Nanti apa-apa saya whatsapp akak. Saya kena bincang dengan ibu ayah saya dulu.” Ucapku.

“Okay. Baik dik. Terima kasih. Assalamualaikum.” Ucapnya lalu menamatkan panggilan.

Aku menjawab salamnya dalam hati. Aku terus mencari nama umi lalu membuat panggilan. Dua tiga kali juga aku buat panggilan baru umi jawab.

“Umi, orang nak cakap sesuatu ni.” Ucapku. Nadaku tenang saja.

“Apa dia?” Soal umi.

“Yah dapat belajar dekat tempat hari tu. Tapi kena buat pinjaman, tak pasti dapat ke tak. Sebab akak tu cakap pkp ni susah sikit.” Beritahuku.

“Habis tu, kalau bayar sendiri berapa?” Soal umi lagi.

“Kalau bayar sendiri RM 5000 lebih untuk satu kursus. Boleh ke?” Soalku.

“Ya Allah, mana nak cari duit banyak tu. Mu nak makan lagi. Nak bayar asrama lagi. Mu tak yah lah belajar. Mu kerja je. Mu tahu walid mu dah tak ada duit. Walid dah lah kerja sorang. Mu jangan nak susahkan walid.” Ucap umi. Nadanya sedikit meninggi.

Aku sedikit tersinggung dengan kata-kata umi. Tapi layak ke aku untuk terasa hati dengan orang yang dah bermati-matian melahirkan ku. Orang yang sudah membesarkan ku. Aku hanya abaikan perasaanku. Aku perlu belajar walau macam mana sekalipun.

“Tak apalah nanti orang cuba cari tempat lain untuk belajar.” Ucap ku hampa.

“Suka hatimu lah. Tapi jangan nak susahkan walid lagi” Pesan umi lalu menamatkan talian.

Aku hanya termenung memandangi telefon. Apakah masa depanku masih cerah? Apakah aku mampu untuk cari tempat belajar dalam masa terdekat? Apakah ini balasan untuk ku kerana telah mengecewakan ibu bapaku? Pelbagai persoalan yang bermain dalam mindaku. Terasa otakku penuh dan serabut. Ada terasa sebak dan mahu menangis tapi aku tahan. Aku memejamkan mata untuk menenangkan diri sebentar. Aku tidak hiraukan keadaan sekeliling yang bising dengan pelbagai bunyi.

Tiba-tiba, telefon ku berbunyi menandakan ada e-mel yang masuk. Segera aku membuka mata kembali dan melihat e-mel tersebut.

“La..dari facebook rupanya.” Jeda ku sendiri

Aku menutup e-mel itu. Aku menyelak-nyelak e-mel lama dan ada satu e-mel yang menarik perhatian ku iaitu e-mel tentang permohonan UPU yang aku pernah mohon tapi ditolak. Segera aku teringat tentang rayuan yang masih boleh dibuat. Segera aku membuat rayuan melalui laman web Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti. Aku membuat rayuan pada semua kolej komuniti yang ada bidang jahitan. Selepas selesai, aku terus membuat panggilan pada kawan baik yang merupakan bekas pelajar Kolej Komuniti Kajang. Beberapa saat kemudian dia mengangkat panggilan ku.

“Assalamualaikum Apis.” Aku memulakan bicara dengan salam.

“Waalikumssalam. Ada apa Thirah?” Soal Apis.

“Kau dulu belajar kat kolej komuniti kan?” Soalku kembali. Kini soalan berbalas soalan.

“Ha’ah. Kenapa ye?” Ucap Apis

“Aku ada buat rayuan dekat sana. Jadi, aku nak tanya. Yuran pengajian mahal tak?” Soalku lagi.

“Tak lah. Murah je. RM 200 gitu je. Baik kau terus call atau walk in je kolej komuniti mana yang kau nak.” Apis cuba memberi cadangan padaku.

“Okaylah. Aku call. Aku dah tahu nak cari tempat belajar dekat mana lagi. Terima kasih tau bagi info.” Ucapku.

Sebenarnya dari dulu lagi dia sudah mencadangkan supaya aku belajar di kolej komuniti tapi aku yang degil masih tunggu panggilan lain dan pernah juga mendapat tawaran dari Kolej Komuniti Selayang tapi terpaksa ditolak kerana masalah kewangan.

“Okaylah, goodluck. Aku tengah kerja ni. Nanti aku dah habis kerja aku call kau lagi. Bye. Assalamualaikum.” Ucap apis sebelum menamatkan panggilan.

“Waalikumssalam.” Aku menjawab salamnya.

Terus talian di tamatkan. Aku segera mengakses laman ‘google’ lalu mencari Kolej Komuniti Selayang dan cuba menghubungi. Tetapi tidak dijawab. Aku cuba sekali lagi tidak dijawab lagi. Aku cuba sekali lagi menghubungi untuk kali terakhir. Masih sama tidak berjawab. Aku cuba mencari Kolej Komuniti Temerloh pula. Aku menunggu dalam beberapa saat akhirnya dia jawab.

“Assalamualaikum.” Ucapku kepada pihak kolej.

“Waalaiikumussalam. Ada apa-apa boleh saya bantu?” Ucap pihak kolej. Kedengar suara yang garau.

“Saya nak tanya tentang pengambilan pelajar. Kolej Komuniti Temerloh masih buka ke?” Soalku.

“Kami masih buka tapi untuk bidang apa ya?” Soalnya kembali untuk kepastian.

“Untuk kursus fesyen dan pakaian.” Jawabku penuh yakin.

“Sekejap ye. Saya cuba tanya unit pengambilan.” Jawab pihak kolej itu.

Aku hanya menunggu sahaja tetapi tidak menamatkan panggilan. Dalam beberapa minit suara dari pihak Kolej Komuniti Temerloh itu bergema di telingaku kembali.

“Dik, awak pernah buat permohonan ke?” Soalnya

“Tak pernah lagi Encik.” Jawabku.

“Okay macam nilah dik, awak bagi nama, nombor ic dan nombor telefon awak.” Beritahu pihak kolej itu.

Aku pun memberi segala maklumat yang diminta. Tak lama kemudian pihak kolej itu bersuara kembali.

“Dik, awak dah buat banyak rayuan ni. KK Gerik. KK Selayang. Awak sebenar nak ke kk mana?” Soalnya.

“Saya nak ke Kolej Komuniti Temerloh.” Ucapku yakin.

“Okaylah kalau macam tu. Nanti kami akan hantar surat tawaran secara online. Jadi, kejap lagi awak dah boleh semak kembali pada laman web yang awak buat rayuan tu ye.” Ucapnya.

Aku mengucapkan terima kasih dan menamatkan panggilan. Aku menunggu dalam beberapa minit. Kemudian, ada satu pesanan masuk dari aplikasi ‘whatsapp’. Aku segera melihat.

‘Awak dah boleh semak. Sebarang pertanyaan awak boleh whatsapp pada nombor ini ya.’ - Kolej Komuniti Temerloh.

Aku segera keluar dari aplikasi ‘whatsapp’ lalu membuka laman web yang aku buat rayuan tadi. Tidak sabar. Aku segera memasukkan maklumat yang perlu dan menekan butang ‘semak’ dan keluarlah permohonan ku diterima. Aku rasa gembira tetapi

dalam hati rasa gusar, bimbang jika walid tidak mengizinkan aku belajar di sini. Aku cuba untuk whatsapp umi.

'Umi orang dapat belajar dekat kolej komuniti' – Aku

'Dekat mana?' –Umi

'Dekat sini. Temerloh'- Aku

'Jauhnya. Mu tanyalah walid mu kalau dia nak hantar mu.'- Umi

Aku segera mencari nama walid lalu menghubunginya. Lama juga aku menunggu walid mengangkat telefonnya. Masih dengar deringan saja. Dalam beberapa saat baru panggilan dijawab.

"Yer puteri walid, ada apa?" Soal walid. Nadanya berseloroh.

"Orang dapat belajar dekat sini. Walid boleh hantar tak?" Tanya ku. Nada ku ketika itu sangat mengharap.

"Boleh tapi jangan buat hal lagi macam dulu. Kali ni belajar betul-betul." Jawab walid. Nadanya ceria.

Bibir ku mula mengukirkan senyuman dan hati mula mengucapkan syukur. Sudah lama rasanya tidak senyum seceria ini.

"Bila tu?" Soal walid kembali.

"Bulan lapan. Tiga hari bulan." Jawab ku.

"Okay." Ucap walid ringkas.

"Maafkan semua salah Yah. Kali ni Yah buat betul-betul. Yah sayang walid dengan umi." Ucapku lalu menamatkan panggilan. Aku tidak mahu mengganggu walid kerana walid masih dalam waktu kerja.

Seketika air mata ku mengalir. Sedih mahu meninggalkan Saif tapi gembira mahu membahagiakan dua insan yang paling dicintai. Aku segera memberitahu Mak Lang dengan menghantar pesanan melalui aplikasi 'whatsapp'. Mak Lang pada mulanya sukar untuk biarkan aku pergi tapi akhirnya dia reda demi melihat aku berjaya. Air mata yang bersisa aku biarkan. Terasa bahagia seperti dulu. Tak sabar untuk menanti hari-hari yang akan datang.

Bab 4

Sebelum belajar, aku sempat pergi bercuti dengan Mak Lang ke Kuantan dan Mak Lang juga sempat menemaniku berbelanja sebelum masuk belajar. Seminggu sebelum belajar Mak Lang mengambil cuti dan menghantar aku dan Saif ke Selangor semula. Dalam masa seminggu itu macam-macam urusan aku selesaikan. Aku bersyukur kerana dapat menyelesaikan segala urusan dengan mudah tanpa ada halangan. Kawanku Aisyah juga banyak membantu dalam persiapan untuk kolej. Ada juga kawan-kawan lain bertemu dengan ku sebelum aku berangkat ke Pahang semula. Ramai kawan memberi sokongan kepadaku sebelum masuk belajar.

3 Ogos 2020

Aku bangun awal pagi dan segera bersiap-siap. Barang-barang sudah ku angkat malam tadi jadi tak adalah kelam kabut sangat. Selepas subuh, aku, umi dan walid terus bergerak dari rumah ke Temerloh. Perjalanan kami mangambil masa selama 2 jam. Sampai sahaja di Kolej Komuniti Temerloh, aku segera mendaftar. Pelajar pertama yang aku kenal adalah gadis bernama Qama. Selepas selesai segala sesi pendaftaran, aku dibawa ke rumah sewa bersama umi dan walid. Rumah sewaku tidak jauh dari kolej. Jadi bolehlah berjalan kaki saja. Selesai dengan hal rumah sewa, walid membawa aku membeli barang makanan dan barang-barang keperluan lain seperti penyangkut baju, baldi dan sebagainya. Aku juga sempat makan dengan mereka di gerai yang berdekatan dengan pasaraya Starmall. Setelah selesai, walid menghantar aku pulang kembali. Walid menghulurkan dua keeping note RM100 untuk perbelanjaan makan. Aku memberi walid dan umi hadiah yang sudah dari awal ku siapkan.

“Belajar betul-betul. Jangan separuh-separuh. Walid harapkan mu sekarang ni. Walid dengan umi ni dah makin tua. Tak tahu sampai bila kami boleh hidup lagi. Jangan buat perangai lagi. Fokus belajar je. Jangan risau pasal gagal ke apa. Kalau rasa susah, cuba sampai tak rasa susah. Jaga diri. Jangan keluar malam. Ni tempat orang. Apa-apa perlu call walid.” Pesan walid. Jelas kerisauannya sebagai bapa. Iyalah ayah mana yang tak risau anak perempuannya belajar jauh.

Aku segera memeluk walid dan umi. Rasa tidak ingin melepaskan pelukan itu. Aku tahu mereka sudah banyak kecewa keranaku. Aku sudah berjanji pada diriku untuk menamatkan semua kekecewaan mereka di sini. Aku melepaskan pelukanku lalu menyalami mereka. Aku melihat mereka pergi sehingga hilang dari pandanganku.

Aku melangkah semula masuk ke rumah. Aku melihat ada seorang gadis yang masih berbaju kurung berwarna coklat yang sedang mencari signal internet.

“Awak dari mana?” Tegurku.

“Saya orang sini je. Awak pula?” Soal gadis itu kembali.

“Saya orang Selangor. Nama awak siapa? Umur berapa?” Tanya ku lagi. Ada lah sedikit rasa canggung tapi aku biarkan.

“Nurin. Umur 18. Awak?” Ucap gadis yang mengenalkan dirinya sebagai Nurin itu.

“Saya Aiman. Umur 19. Tua sikit.” Ucapku dengan nada yang berseloroh.

“Oh, kakaklah ni. panggil Kak Aiman boleh?” Soal Nurin sambil tersenyum manis

Aku hanya mengangguk. Kami berborak-borak kosong sambil menunggu penghuni yang lain. Tak lama kemudian satu persatu penghuni mula masuk dan dari situlah aku mengenali Nurin, Mira, Zati, Dila, Fatin dan Nana. Mereka semua ramah dan mesra. Mereka juga banyak membantu satu sama lain walaupun baru kenal.

Selepas habisnya minggu orientasi. Aku dan kawan-kawan mula masuk ke kelas untuk hari pertama. Hari pertama itu merupakan hari berkenalan dengan pensyarah akademik. Aku, Nurin dan Mira mendapat kelas yang sama iaitu SFP1A. Aku dan Mira duduk di meja bersebelahan manakala Nurin duduk di meja hadapanku. Nurin memusingkan badannya menghadapku. Sementara pensyarah akademik belum masuk, Nurin mengajak aku berbual-bual.

“Tak sangka pula dapat kelas samakan.” Ucap Nurin.

“Ha’ah. Tapi okaylah. Sekurang-kurangnya ada kawan.” Balasku.

Mira hanya jadi penonton perbualan kami. Mira memang jenis yang tak banyak cakap. Bak kata orang mula-mula kenal rasa janggal. Nanti dah lama kenal hilanglah rasa tu.

“Tapi tak sangka dapat pensyarah yang lelaki tu.” Ucap Nurin

Belum sempat aku membalas apa-apa, pensyarah lelaki yang dikatakan oleh Nurin tadi masuk. Panjang umur bak kata orang. Nurin segera menghadapkan badannya kedepan kembali.

“Assalamualaikum semua.” Ucap pensyarah lelaki yang segar berbaju kemeja putih itu.

“Waalaiikumsssalam encik.” Jawab semua yang ada di situ.

“Okay, hari ni merupakan hari pertama awak semua. Jadi saya nak awak semua perkenalkan diri awak dan saya akan mulakan dulu. Okay, Nama saya Mohd Syafiq bin Zulkefli Amin. Awak semua boleh panggil saya Encik Syafiq. Okay, saya merupakan Penasihat Akademik awak dan saya mengajar mata pelajaran ‘*sample*’ ye.” Ucap Encik Syafiq lalu memperkenalkan dirinya.

Selepas saja beliau memperkenalkan diri beliau. Kemudian, giliran pelajar-pelajar pula memperkenalkan diri satu persatu hingga cukup 16 orang termasuklah aku. Selepas habis sesi suai kenal, Encik Syafiq mengajar serba sedikit tentang mesin jahit. Sebagai contoh, cara memasang benang pada mesin jahit lurus dan mesin jahit tepi. Beliau juga menyuruh kami semua untuk menjahit pada kertas dahulu. Misalnya, jahit garisan lurus, garisan zig zag dan garisan melingkar. Hal ini, untuk melatih kami supaya mudah untuk menggunakan mesin jahit. Kadang-kadang aku tertekan pedalnya terlalu kuat hingga jahitan tersasar. Pada mulanya aku terasa sukar tetapi aku cuba dan cuba hingga aku berjaya. Ketika itu apa yang tak dapat aku lupakan adalah aku berkongsi mesin jahit dengan Nurin dan Mira kerana tidak cukup alat seperti tapak mesin.

Bab 5

1 minggu kemudian,

Pada hujung minggu, semua rakan-rakan balik ke rumah. Cuma aku dan Zati saja yang tidak balik. Rasa seram tu adalah, tapi aku abaikan. Aku meminta Zati tidur di bilikku yang berdekatan dengan dapur. Zati pun bersetuju. Pada keesokkan harinya, setelah selesai membersihkan rumah, aku masih bersantai-santai di dalam bilik bersama Zati sambil menunggu seniorku menghantar ayam cheese yang kami pesan. Tiba-tiba telefonku berdering. Aku melihat tidak ada nama pemanggil dan dengan segera aku mengangkat panggilan tersebut.

“Hello. Siapa ni?” Aku memulakan bicara.

“Saya ni Puan Fairuz. Saya dah banyak kali bagi salam awak tak jawab. Awak ada kat rumah tak?” Balas Puan Fairuz.

Aku dan Zati dengan gelabahnya segera ke ruang tamu lalu membuka pintu. Aku lihat Puan Fairuz bersama dengan seseorang yang aku kenal.

“Kak Zirah!” Panggilku sambil melambai-lambai ke arahnya.

Kak Zirah tersenyum manis lalu membalas lambaian ku.

“Awak kenal ke?” Soal Puan Fairuz.

“Kenal puan.” Jawabku.

“Mari sini! Tengok rumah ni.” Ucap Puan Fairuz pada Kak Zirah.

“Saya masuk ye Aiman.” Puan Fairuz meminta izin.

Aku hanya mengangguk menandakan setuju. Kak Zirah dan Puan Fairuz masuk ke rumah sewa ku.

“Untuk pengetahuan awak, saya datang ni sebab dia nak masuk rumah sewa. Jadi, saya bawalah dia tengok-tengok rumah sewa.” Beritahu Puan Fairuz.

Aku dan Zati hanya mengangguk saja menandakan faham. Kak Zirah masih melihat-lihat lagi kawasan dalam rumah.

“Macam mana? Awak nak duduk mana?” Soal Puan Fairuz pada Kak Zirah.

“Dok tahulah puang. Saya rasa dekat sini okay.” Jawab Kak Zirah. Terkeluar loghat Terengganunya.

“Ala, kalau nak masuk sini muat je. Boleh masuk bilik saya dengan Dila.” Ucap Zati.

Aku hanya mengangguk menandakan betul.

“Macam mana?” Soal Puan Fairuz Kembali.

“Bolehlah puang. Kat sini pung saya dah kenal diorang ni.” Kak Zirah bersetuju untuk menjadi rakan serumah kami.

“Okaylah kalau camtu, hari Ahad petang nanti awak masuk ye Azirah. Saya minta diri dulu. Maaf ganggu awak berdua.” Ucap Puan Fairuz lalu beredar bersama Kak Zirah

Selepas saja mereka hilang dari pandangan aku dan Zati, kami terus masuk ke bilikku kembali. Aku bersantai kembali. Tiba-tiba, mata terasa berat ingin saja aku lelap tapi aku cuba tahan.

“Zati, akak ngantuklah. Kalau tertidur, sorry tau.” Ucapku.

Entah bagaimana aku boleh terlelap pun aku tak sedar. Mungkin aku penat sangat kerana membersihkan satu rumah.

Hari demi hari aku lewati seperti biasa. Bangun pagi ke kelas dan bertemu kawan-kawan. Malam pula menyiapkan tugas yang diberi pensyarah. Itulah rutinku sebagai pelajar. Kadang-kadang hariku indah dan kadang-kadang ia suram. Mulanya belajar menjahit terasa susah hampir hendak berputus asa. Aku pernah menangis kerana jahitanku yang tidak kemas. Tapi teringat akan penat dan susahnya umi dan walid, aku terus berusaha walaupun terkadang tangisan yang menemaniku. Apa yang lebih mencabar ketika semester satu adalah bila aku pulang untuk cuti pertengahan semester dan ketika hendak kembali semula, PKP pula diumumkan di negeri kelahiran ku iaitu Selangor. Dari situ, bermulanya kelas secara atas talian. Terasa peritnya bila berhadapan dengan masalah internet yang kurang kuat. Pembelajaran menjadi terganggu. Semester satu juga, meninggalkan banyak kenangan padaku, apabila aku pernah tersekat dalam banjir di Temerloh. Ketika itu aku dan tiga orang kawanku balik semula ke rumah sewa kerana ingatkan kelas akan bermula dan ketika itu pula waktu tengkujuh yang teruk. Tapi Alhamdulillah, banjir tak lama. Selepas saja air surut, kami masing-masing pulang ke rumah masing-masing dengan selamat sebelum bermulanya semester kedua. Apa yang paling aku tidak boleh lupakan adalah keputusan semester pertamaku yang membuat umi dan walid kembali tersenyum seperti dahulu. Terlihat sinar kebahagiaan di mata mereka.

Bab 6

Hari ini sudah bermulanya semester keduaku. Aku awal pagi lagi sudah bangun. Semangat terasa didada hendak mula semester baru. Walid dan umi menghantarku ke kembali ke Kolej Komuniti Temerloh. Sebelum mereka pulang, mereka sempat berpesan.

“Jaga diri. Jangan keluar kalau tiada urusan penting. Jangan lupa makan. Belajar betul-betul.” Pesan Umi.

"Kalau duit makan tak cukup bagitahu dan jika ada apa-apa berlaku cepat-cepat telefon." Pesan walid pula.

Aku segera menyalami dan mencium walid dan umi. Selesai saja, aku mengangkat barang-barangku lalu beredar ke kaunter pendaftaran. Aku sempat melambai pada mereka. Setelah itu, aku segera ke kaunter pendaftaran untuk mendaftar. Oh ya! Lupa untukku beritahu mengapa walid tidak hantar ke rumah. Ini adalah kerana perlu mengikuti proses isolasi sebelum masuk belajar yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Aku terus meletakkan segala barang-barangku. Kemudian di sanitasi oleh staf kolej. Setelah selesai, aku mula mendaftar dan menunggu ketibaan bas untuk membawa kami ke Hotel Sri Malaysia. Lama juga menunggu ketika itu, aku sempat berborak dengan kawan-kawan ku.

Dalam setengah jam, bas pun sampai dan aku segera membawa barang-barang keperluan yang penting sahaja dan menyimpan dalam bonet bas manakala barang yang tak perlu, aku tinggalkan di tempat yang disediakan oleh pihak kolej. Setelah semua berada dalam bas, bas pun mula bergerak meninggalkan perkarangan kolej.

Sampai sahaja aku di Hotel Sri Malaysia, aku terus mendapatkan kunci bilik dan makanan yang disediakan. Pada hari itu perjalananku terasa lelah. Mana tidak lelahnya, aku dari Selangor. Aku segera membersihkan diri dan berehat.

Hari ke-3 isolasi.

Aku mula terasa sesak dan sukar untuk bernafas. Entahlah aku pun tak tahu kenapa. Aku cuba bernafas perlahan-lahan. Terasa masih sama. Aku pergi ke arah tingkap lalu membukanya. aku menghirup udara segar, baru terasa baik sedikit. Tapi rasa sukar bernafas masih ada lagi.

Sedang aku leka menghirup udara segar. Tiba-tiba Asyik datang bertanya.

"Man, kelas kita pukul berapa?" Soal Asyik.

"Kejap lagi pukul 12.15." Jawabku.

"Man, kejap lagi ingatkan aku." Pesan Asyik.

Aku hanya mengangguk lalu kembali mengamati ke luar tingkap kembali untuk menenangkan diri. Aku tidak ada mood untuk bercakap dengan sesiapa.

7 malam.

Selepas sahaja solat magrib, aku kembali sukar bernafas dan gelisah tanpa sebab. Malah rasa takut yang amat sangat juga. Perasaanku juga terasa tak sedap. Tapi kali ini lebih teruk dari tadi. Aku sudah menyandarkan diriku di katil. Aku cuba bernafas perlahan-lahan tapi masih sama. Asyik yang masuk ketika itu bertanya akan keadaan ku.

"Man, kau okay ke?" Soal Asyik.

"Aku cuma rasa nak muntah nie." Jawabku.

"Kau boleh bangun tak? Larat tak?" Soal Asyik lagi. Nadanya sedikit risau.

"Tak. Tolong aku." Pintaku. Nadaku lemah.

"Man, lepas muntah ni rehat. Apa-apa panggil aku." Pesan Asyik.

Aku benar-benar sudah tiada kekuatan dan badan ku pula mula terasa menggigil. Asyik segera memapah ku ke bilik air. Aku masuk dan memuntahkan segala isi perutku. Selepas itu, aku keluar dari bilik air dan kembali duduk bersandar di tepi katil. Rasa takut dan gelisah ku semakin memuncak. Badan ku juga mula menggigil teruk. Perut pula semakin tak selesa. Pandangan ku semakin lama semakin kabur dan akhirnya menjadi gelap. Aku sudah tidak sedarkan diri.

Aku membuka mata perlahan-lahan. Aku cuba lihat sekeliling. Ketika itu pandangan ku masih kabur. Aku masih rasa sukar bernafas.

"Di mana ni?" Getus hatiku.

Kini kurasa pernafasanku semakin parah. Aku menepuk-nepuk dada ku. Tiba-tiba ada seorang lelaki berpakaian seperti staf hospital memakaikanku alat pernafasan. Dari sini terjawablah aku sekarang berada di dalam ambulans.

"Adik relaks ya. Tarik nafas perlahan-lahan" Ucapnya.

Aku hanya diam. Air mata ku mula keluar setitik demi setitik. Entah kenapa tiba-tiba rasa sedih pula menjalar ke hati.

Dalam beberapa minit sampailah aku di hospital. Staf hospital menolak aku ke satu khemah. Aku masih menangis tak henti lagi. Makin lama tangisan ku semakin

tersedu-sedu. Seorang doktor perempuan segera datang ke arahku bertanya dan cuba menenangkan aku.

"Adik, kenapa ni?" Tanyanya lembut.

"Saya takut. Saya takut." Hanya itu sahaja yang terluncur dari mulutku. Nadaku makin tersedu-sedu.

"Awak takut apa ni?" Soalnya lagi.

Aku menggelengkan kepala menandakan aku tak tahu. Aku memegang tangan doktor itu. Doktor wanita itu hanya mengusap lembut tanganku supaya aku lebih tenang.

"Jangan takut ya. Ramai kat sini." Doktor wanita itu cuba menenangkan aku.

Tangisanku mula reda perlahan-lahan. Tiba-tiba ada seorang doktor lelaki datang ke arahku.

"Adik, saya nak buat *swab test*. Kalau keputusan swab awak negatif kita tolak awak masuk ya." Jelas doktor tersebut.

Aku hanya diam saja tidak menjawab. Doktor mula meninggikan sedikit katil di bahagian kepala. Perlahan-lahan dia memasukkan alat swab ke dalam lubang hidungku. Bermula dengan kanan dan kemudiannya kiri. Terasa sedikit perit dan tak selesa. Agaknya beginilah mereka yang menghidap covid rasa. Setelah selesai doktor pun biarkan aku berehat. Lama juga menunggu keputusan swab itu sampai aku tertidur dua tiga kali. Bila saja keputusan keluar dan aku negatif, staf hospital terus tolak aku ke dalam dan keadaan aku ketika itu sudah mula beransur-ansur stabil dan tenang. Ketika aku dalam kecemasan, aku tertidur kembali. Mungkin penat bertarung dengan perasaan sendiri. Belum sampai 10 minit lelap ada seorang doktor pakar datang ke arahku dan mengejutkan ku.

"Assalamualaikum dik. Saya dari pakar dari jabatan psikiatri. Maaf ye kejutkan awak. Saya dengar awak ada rasa takut ya?" Bicara doktor wanita itu.

Aku hanya menangguk. Aku memang sudah tenang tapi tiada keinginan untuk bercakap.

"Kenapa ye awak rasa macam tu? Ada sesuatu yang mengganggu awak ke?" Soal doktor itu lagi.

"Saya tak tahu kenapa. Tapi dia tiba-tiba je. Mula-mula saya tak boleh bernafas. Lepas tu makin teruk, saya rasa takut, tak sedap hati, gelisah dan menggigil." Jelasku.

"Awak rasa kan kalau saya bagi awak balik. Awak okay tak? Ke keadaan awak sama je?" Soal doktor wanita itu.

"Entahlah saya pun tak tahu. Saya risau jadi lagi." Jawabku.

"Okaylah. Macam ni saya tahan awak diwad selama tiga hari. Awak jalani rawatan ya. Nanti saya ambik borang wad tu dan awak isi. Saya risau juga kalau awak balik ke tempat isolasi awak akan pengsan balik." Ujarnya lembut.

Aku hanya menanggung. Ketika itu aku tidak mahu berfikir apa-apa lagi. Aku cuma rasa mahu berehat sahaja. Doktor pakar itu terus beredar mengambil borang untuk aku isi. Tak lama kemudian, doktor itu kembali dan memberi sekeping kertas. Aku mengisi borang tersebut sehingga habis. Setelah selesai, dalam satu jam menunggu, aku terus dibawa ke wad psikiatri dan kesihatan mental. Malam itu bermulalah malam pertamaku di wad itu.

Bab 7

Tiga hari aku di wad. Kini keadaan aku semakin baik. Doktor mengesahkan bawah aku menghidap 'posible panic attack' dan 'major depress disorder'. Hari ini aku akan keluar. Walaupun hanya 3 hari di wad tapi banyak pengalaman yang aku dapat. Aku berdiri melihat keluar jendela, terasa tenang sedikit.

Hatiku rasa tak sabar hendak pulang semula ke tempat isolasi dan berjumpa dengan kawan-kawan. Sedang leka melihat keadaan luar, tiba-tiba...

"Awak, pensyarah awak dah datang. Jom ikut saya ambik barang-barang awak." Ujar seorang jururawat yang berada di pintu wadku.

Aku memalingkan badan ke arahnya. Aku tidak menjawab malah mengikutinya saja. Dia memberi begku yang berisi barang-barangku.

"Nurse, saya nak baju yang masa awal saya datang hari tu." Pinta ku.

"Jom ikut saya ambik dekat bilik basuh." Ucap jururawat itu.

Aku dan jururwata itu terus ke bilik basuh. Kami pun cari bajuku. Seluar sudah dapat. Tudung pun dapat tapi baju t-shirt ku tidak jumpa.

"Dik, tak ada pun baju awak." Ucap jururawat itu.

Aku pelik dan otak ligat berfikir dia mana bajuku. Tiba-tiba aku teringat seorang pesakit lelaki yang baru saja keluar semalam dan aku perasan dia memakai baju sebijik macam ku. Pada mulanya aku menganggap dia ada baju yang sama seperti ku.

"Ya Allah. Saya rasa ada seorang pesakit tu terambik baju saya. Dia dah discharge dah pun. tak apalah." Ucapku.

"Laa. Kenapa tak cakap." Ucap jururawat itu.

"Saya ingat dia pakai baju sama macam saya." Balasku.

Tiba-tiba ada seorang pembantu perubatan lelaki masuk.

"Kenapa ni?" Soalnya.

"Tak baju budak ni si pesakit lelaki yang dah keluar wad ambil." Jelas jururawat itu

Pembantu lelaki dan jururawat itu sedikit tergelak. Mereka sudah biasa dengan situasi begini.

"Kalau dekat wad ni semua main ambik je dik. Ni awak ada baju tak?" Ucap pembantu perubatan itu.

"Ada-ada. Tak apalah baju tu saya halalkan." Balasku. Aku tersenyum.

"Okay jom. Lepas ni awak terus tukar baju ya." Bicara jururawat itu.

Aku hanya diam tak membalas apa-apa. Aku mengikuti langkah jururawat itu. Sampai saja di wad, aku terus ke bilik air dan menukar pakaian. Pakaian hospital aku lipat lalu kuletakkan di tempat yang disediakan. Setelah selesai menukar baju. Aku terus ke luar menuju ke arah Puan Fairuz yang sedang menunggu.

"Aiman macam mana? Okay?" Soal Puan Fairuz.

"Makin okay puan." Jawabku.

"Macam mana boleh jadi macam ni Aiman?" Soal Puan Fairuz ingin tahu.

"Saya trauma dengan tempat sempit dan gelap puan. Saya jadi tak boleh bernafas." Terangku.

Iya! Memang aku trauma kerana aku pernah terkunci waktu kecil dua kali dalam tempat yang sempit dan gelap. Bilik isolasi yang aku dapat pula sedikit gelap dan sempit, tambah pula aku tidak keluar dari bilik. Keadaan itu menyebabkan trauma itu kembali.

"Adik, nanti call mak awak ye. Dia ada call tapi tadi awak tidur." Ucap jururawat itu

Aku hanya mengangguk. Aku dan Puan Fairuz pun teruskan berbual kembali hingga selesai urusanku di wad. Setelah segalanya selesai, aku pun pulang. Dalam perjalanan Paun Fairuz ada bertanya, sama ada aku pulang ke rumah sewa terus atau pulang ke hotel. Aku membuat keputusan untuk pulang ke hotel kerana jika apa-apa terjadi masih ada orang di sana.

Aku berfikir orang akan fikir bukan-bukan tentangku tapi sebaliknya dan sangkaan aku meleset. Malah ramai yang merindukanku dan mengalu-alukan kepulanganku. Ada juga yang risau tentangku terutama sekali rakan serumah. Ketika itu terasa bahagia dan disayangi. Semenjak menghidap penyakit begini aku selalu berfikiran negatif dan susah untuk menjadi positif. Aku juga selalu merasakan orang sekeliling tidak menyukaiku. Kadang-kadang sampai aktiviti harianku terganggu.

Ketika aku sampai di Hotel Sri Malaysia, aku segera membersihkan diri dan berehat. Badan ku terasa lelah. Malam itu, aku meminta untuk bersendirian di bilik. Asyik menghormati keputusan ku dan tidur di bilik Izzah dan Ezwin. Malam itu terasa sedikit lega dan aku dapat tidur dengan baik. Sebelum tidur, umi juga menelefonku. Dia menyatakan dia risau padaku dan bertanya apa yang terjadi. Aku menjelaskan segala dan barulah kurang kerisauannya.

Selepas dari isolasi, aku meneruskan pengajian semester keduaku seperti biasa. Alhamdulillah semester keduaku berjalan baik walaupun kelas diadakan secara atas talian. Bagiku itu bukan penghalang untuk terus berjaya. Aku juga semakin aktif dalam program yang dianjurkan kolej. Keputusanku pun semakin meningkat. Aku tunjukkan sekali lagi pada walid dan umi, mereka tersenyum dan nampak kegembiraan di mata mereka. Mereka juga turut membelikan aku mesin jahit baru untuk aku menjahit serta meredakan tekanan ku. Sepanjang pandemik yang melanda ini, banyak hikmah yang aku dapat. Salah satunya, bila saja aku tak balik ke rumah, hubungan aku, umi dan walid semakin baik malah semakin erat. Bak kata orang, bila jauh dan hilang kita akan merindu. Aku juga lebih dekat dengan Sang Pencipta. Aku mempunyai lebih banyak masa untuk beribadat. Selain itu, covid-19 juga mendidik aku supaya sabar menanti sesuatu. Aku yakin, berhenti daripada KUIS adalah salah satu jalan untuk aku menuju ke arah yang lebih baik. Aku juga yakin dengan perancangan-Nya dengan mentakdirkan aku masuk ke Kolej Komuniti Temerloh. Banyak hikmah yang aku dapat. Salah satunya, pensyarah dan rakan-rakan yang sangat menyokongku. Sebelum masuk ke kolej komuniti, aku banyak mendengar kata-kata negatif seperti,

'Kemahiran? Apalah sangat.'

'Siapa nak ambik kerja kalau sijil je.'

'Menjahit? Sampai bila.'

'Ada 5A SPM tapi belajar kemahiran.'

'Menyusahkan mak ayah saja. Kemahiran bukan boleh pergi jauh pun.'

Aku hanya membiarkan saja. Bagiku, kata-kata mereka membuat aku lebih semangat untuk membuktikan aku berjaya. Satu hari nanti aku akan buktikan, sijil bukan sebarang sijil. Untuk pengetahuan semua, kolej komuniti juga banyak melahirkan insan yang hebat-hebat. Kebanyakkan mereka sudah memiliki perniagaan sendiri. Jadi jangan pandang rendah pada kami yang mengambil bidang kemahiran. Aku juga bersyukur belajar di kolej komuniti, aku tidak perlu berhutang malah aku mendapat elaun untuk dua semester. Elaun yang aku dapat kebanyakan aku guna untuk bayar yuran pengajian dan diguna untuk keperluan belajar.

Sekarang aku berjuang dengan sakit yang aku hadapi. Bukan dari segi fizikal tapi dari segi mental. Aku berharap jika siapa yang merasakan seperti ku, segeralah berjumpa doktor jangan sampai melarat baru berjumpa doktor. Hal ini kerana sakit yang berkaitan dengan mental ini bukan mudah untuk dirawat dan ambil masa. Untuk pengetahuan semua, aku menghidapi 'posible panic attack' dan 'major depress disorder' sejak umurku 14 tahun lagi dan aku juga pernah kerap rasa untuk mengakhiri nyawaku sendiri. Penyakitku juga bermula dengan stress dan tekanan yang berterusan. Jadi, sebaiknya kawallah stress sebaik mungkin bsgl mengelakkan perkara buruk terjadi.

Pada mereka yang di luar sana, nasihat yang dapat aku berikan adalah gagal itu biasa tapi yang belum mencuba kerana takut gagal itu adalah satu sia-sia kerana mana ada manusia yang tak pernah gagal. Jadi, bangkitlah dari kegagalan. Mungkin bukan hari ini kita berjaya tapi siapa tahu esok lusa adalah nasib kita untuk berjaya. Jadilah seperti matahari yang tetap bersinar. Kekecewaan yang kita hadapi sekarang, mungkin akan berubah dengan kebahagiaan suatu hari nanti. Jangan malu dengan bidang yang kita belajar, siapa tahu bidang yang kita belajar mampu membuahkan hasil yang kita sendiri tidak jangka. Jika ada kata-kata negatif ambil ia sebagai pembakar semangat. Jangan biarkan ia mematahkan semangat. Percayalah! Bila kita dah berjaya, kita sendiri akan rasa bahagia dengan penat lelah kita. Teruskanlah belajar sampai ke menara gading. Ingatlah satu kata-kata ini dan pegang ia sampai bila-bila.

'Bila kamu tak tahan penatnya belajar, maka kamu akan menanggung peritnya kebodohan.' -Imam as Syafie

AWAL BULAN MAC 2020.

Selepas aku menamatkan pengajian di Kolej, aku telefon kawan sekolah lama aku iaitu Harith, Hafiz dan Amar untuk berjumpa di restoran kegemaran kami di The Foodie Bros, Kuala Lumpur. Aku memilih tempat itu, kerana pekerja mereka sangat bagus dan restoran itu sangat luas serta makanan dan minuman di restoran itu sangat sedap. Beberapa hari kemudian, kami bertemu lagi setelah sekian lama kami tidak bersua muka dengan penuh gembira.

“Korang apa khabar, sihat?”, kata Harith dengan penuh teruja. “Khabar baik, kita orang semua sihat walafiat ni” kata aku, Hafiz dan Amar dengan suara yang penuh gembira.

Setelah kami berbual kosong dan berkongsi pengalaman kami di institut pelajaran masing-masing, tiba-tiba aku berbincang untuk menubuhkan kumpulan Rock kepada kawan-kawan aku yang lain.

“Korang nak tak kita jadi kumpulan Rock?”, kata aku yang memberi kejutan. Kemudian, mereka pun terkejut apa yang aku katakan tadi. Amar mula berkata, “Uishhh, tapi aku dah lama tak sentuh gitar elektrik aku dekat rumah aku tu, kalau macam tu aku setuju lah.” Kata Amar yang menerima keputusan aku. Aku berkata lagi “korang dua macam mana, setuju tak?”, Hafiz dan Harith masih berfikir dalam masa yang sama. Kemudian mereka berdua berkata setuju dengan serentak. “Baiklah, kita orang setuju”.

Aku pun merasa lega, kerana di sekolah lama kami. Kami suka dengar lagu yang ganas-ganas seperti lagu genre Rock dan Metal.

Amar merisaukan sesuatu. “Tapi, macam mana kita nak mulakan?”, kata Amar yang penuh risau. Kemudian, Harith membalas apa yang dikata oleh Amar sebentar tadi. “Kita mula lah bermain muzik busking.” Kata Harith dengan penuh yakin. Hafiz pula

berkata, “Tapi, kalau kita nak busking mesti ada kebenaran atau lesen kan? Nanti tak pasal-pasal kena saman.” Harith masih tersenyum lebar seakan-akan dia tahu untuk mencari penyelesaian tersebut. “Jangan risau lah Fiz, aku dah tau cara nak dapat tempat. Ayah aku dah ajar dekat aku macam mana nak cari tempat yang sesuai”. Kata Harith yang memberi kesan positif.

Aku masih senyum dengan yakin yang Harith akan cari tempat yang sesuai untuk kami bermain muzik di tepi jalan. Aku tidak perlu risau untuk agihkan siapa mahu main alat muzik yang mereka patut main. Kerana, Amar mahir bermain gitar elektrik, Hafiz mahir bermain gitar bes, Harith mahir bermain dram dan aku mahir bermain apa-apa jenis alat muzik, tetapi aku memilih untuk bermain piano dan menyanyi. Aku bersyukur, kerana keputusan aku diterima oleh mereka. Selepas itu, aku dan kawan-kawan yang lain bersurai dan kembali ke rumah untuk berbincang dengan keluarga masing-masing untuk persetujuan kami untuk bermain muzik tidak lama lagi.

PERTENGAHAN BULAN MAC 2020.

Apabila kami dah bersedia nak busking, ada satu halangan yang memberi impak yang sangat besar iaitu Perdana Menteri telah mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara kita, kerana penularan covid-19 sudah merebak di serata dunia. Kami berempat rasa tidak seronok dan hilang harapan dengan cita-cita baru kami. Tapi aku mendapat satu idea yang bernas untuk teruskan impian baru kami. Tetapi mereka masih tidak puas hati dengan pengumuman Perdana Menteri sebentar tadi.

“Aduh, tak syok lah macam ni, kita baru nak start impian baru dah datang pulak bala kat Malaysia ni.” Kata Amar yang sangat marah.

“Sabarlah Mar, bukan Malaysia je kena wabak ni tapi satu dunia kot. Takpelah kita berdoa je banyak-banyak, moga Allah jauhkan diri kita dengan wabak ni.” Kata Hafiz yang cuba menenangkan diri Amar.

“Alah, tak payah nak sedih-sedih. Walaupun sekarang ni tengah PKP, kita buat lah live video kat ig, apa susahnya?” Kataku yang memberi jalan mudah untuk tidak berputus asa.

“Haaaaaa, betul tu tak payah nak bising-bising.” Jawab Harith yang memberi kesan positif.

Pada masa yang sama, kami berempat hanya melakukan live video di media sosial sahaja sepanjang PKP ini. Walaupun live video kami tidak memuaskan, tapi kami tidak berputus asa untuk mempertahankan impian dan cita-cita baru kami. Kami membuat live video tu sebanyak 4 kali dalam seminggu, seolah-olahnya kami busking secara alam maya. Aku dan rakan-rakan yang lain masih berdoa supaya wabak ini hilang serta merta, supaya kami dapat bertemu lagi dan teruskan perjalanan hidup kami seperti biasa.

AWAL BULAN JULAI 2020.

Walaupun Kes covid-19 telah berkurang. Kerajaan telah melonggarkan undang-undang untuk fasa pemulihan, kami masih ada peluang untuk busking di pasar malam di kawasan Petaling Jaya. Aku sangat gemuruh untuk menyanyi, kerana ini merupakan kali pertama aku menyanyi di khayalak ramai. Aku berdoa banyak-banyak kepada Allah, supaya Allah dapat tenangkan diri aku untuk meneruskan perjalanan hidup baru kami. Dalam masa yang sama, kami kebanyakannya main muzik dan nyanyi lagu inggeris berbanding lagu tempatan. Kerana, muzik dan nyanyian mereka lebih mengagumkan dan menakjubkan. Akan tetapi, ramai orang melihat kami bermain muzik dan menyanyi walaupun aku nyanyi lagu yang orang ramai tak kenal. Lepas aku habis nyanyi lagu-lagu tersebut, mereka menepuk tangan dan memberi sorakan yang sangat kuat seolah-olah persembahan kami tiada sebarang masalah, dan kami bersyukur kepada-Nya sebab dapat peluang untuk meneruskan impian baru kami.

“Alhamdulillah, tak sangka semua orang suka kau nyanyi walaupun lagu tu tak ramai orang yang kenal”. Kata Hafiz yang cuba memuji aku.

“Takdelah Fiz, aku nyanyi ikut perasaan aku je. Walaupun ramai tak kenal lagu tu”. Kataku yang terima balas Hafiz sambil ketawa.

“Perghhhh kau punya suara tu boleh ganti tempat Andrea Bocelli atau Freddie Mercury cukkkk”. Kata Harith masih memuji aku lagi.

“Eh mestilah, suara aku bukan biasa-biasa tau. Suara aku ni boleh sampai ke tahap antarabangsa”. Kataku yang suka memuji diri sendiri.

“Ceh! Berlagak.” Kata Harith, Amar dan Hafiz yang membalas sambil tersenyum lebar.

“Dah lah, kita sambung lagi esok”. Kataku yang membalas dengan cepat. “Okey lah, bye jumpa esok”. Kata Amar, Hafiz dan Harith sebelum bersurai.

Keesokan harinya, kami masih teruskan bermain muzik dan menyanyi seperti biasa dengan lagu yang berbeza. Dan beberapa minggu kemudian, seorang lelaki yang berpakaian kemas datang ke arah kami selepas kami habis bermain muzik dan menyanyi, dia berkata kepada kami. “Waw, hebatkan korang main tadi”.

“Terima Kasih bang, lagi pun abang ni siapa.” Kami membalas kepada abang tersebut.

“Nama abang Muhammad Shafiq bin Abdul Aziz, abang ni bekerja dekat Warner Music dekat Mutiara Damansara”. Abang tersebut mengenalkan dirinya sendiri.

“Bila korang main tadi, abang tengok korang boleh pergi lagi jauh. Apa kata korang kerja dekat tempat rakaman abang?”. Kata Abang Shafiq yang bagi peluang besar untuk teruskan impian kami.

“Emmmm, tak tau lagi lah bang, kita orang semua tak yakinlah apa yang abang cakap ni.” Kata Amar yang masih was-was dengan peluang yang diberikan oleh Abang Syafiq.

“Takpe lah, korang fikir-fikir lah dulu. Ambik kad abang ni, bila semua dah setuju call abang”. Kata Abang Shafiq yang bagi kami peluang untuk berfikir.

“Okey lah, nanti kita orang call abang nanti kalau kita orang setuju”. Kata Hafiz yang membalas kata Abang Shafiq tadi.

“Takpelah abang gerak dulu, Assalamualaikum.” Kata Abang Shafiq sebelum dia bergerak pulang.

“Waalaikumussalam”. Kata kami yang membalas salam Abang Shafiq.

AWAL BULAN OGOS 2020.

Setelah beberapa hari kami bincang. Kami terus setuju untuk bekerja di Warner Music Malaysia. Kerana, kami yakin bahawa kad Abang Shafiq yang diberikan pada tempoh hari, memang asli dan dia boleh dipercayai. Mak dan ayah kami memberi kebenaran kepada kami untuk pergi ke syarikat rakaman tersebut demi masa depan kami kami yang lebih cerah. Kami bersyukur kerana mereka membenarkan kami untuk meneruskan impian baru kami. Setelah perbincangan kami selesai, aku mula lah telefon Abang Shafiq dan dia membalas dengan yakin untuk membenarkan kami bekerja di syarikat tersebut. Kemudian aku, Amar, Hafiz dan Harith pergi ke syarikat itu untuk persetujuan serta menandatangani kontrak. Tetapi, ada satu halangan baru yang kami sendiri patut tempuhi ialah, membuat satu lagu demo dengan genre bebas. Aku dan yang lain sangat terkejut apabila bos syarikat tersebut mahu kami membuat satu lagu demo. Dan bos bagi kebenaran untuk kami menggunakan studio untuk merakamkan lagu demo kami nanti.

“Huishhhh, bos nak kita buat lagu demo. Memang mencabar betul ni.” Kata Harith yang masih gementar.

“Itulah masalahnya, tapi nasib baik kita ada peluang yang panjang untuk siapkan satu lagu demo”. Kata Amar yang sama perasaan seperti Harith.

“Nak cipta lagu ni ingat senang ke.” Kata Hafiz yang sangat tegas.

“Tenang Fiz, sebelum aku ajak korang buat band, aku dah siap tulis lirik lagu sendiri.” Kataku yang cuba meredakan keadaan serta dapat menyelesaikan masalah.

“Lagu aku ni tentang jangan putus asa dalam kehidupan kita sebagai manusia”. Kataku lagi yang menceritakan tentang lirik lagu aku sendiri.

“Perghhh, tak sangka kau dah buat sedia semua benda. Bak kata pepatah: sediakan payung sebelum hujan.” Kata Amar yang sangat tenang serta memberi peribahasa yang betul.

“Ya, betul tu wahai kawanku Amar”. Kata Harith yang membalas kata Amar dengan baik.

Setelah beberapa minggu kami siapkan lagu demo kami. Bos kami dengar lagu kami dengan wajah bos kami yang sangat garang macam nak makan orang. Dan ada suatu rangkap dalam lirik tersebut yang membuatkan dia tersenyum lebar dan terus layan lagi itu sampai habis.

“Menakjubkan, saya suka yang bahagian: “Jangan engkau putus asa dalam hidupmu, Bangkit untuk impianmu, Jangan engkau lupakan restu ayah ibumu dan sentiasa ingat pada yang satu.” Bahagian lirik yang penuh dengan sifat positif. Tahniah anda dapat bekerja di syarikat Warner Music Malaysia dan kamu semua boleh rakam beberapa lagu kamu dalam album kamu semua nanti.” Kata bos kami yang memberi komen yang bagus sambil menepuk tangan sebagai kekaguman lagu demo kami.

Kami semua teruja dan terus sujud syukur. Kerana, kami dapat peluang lagi untuk teruskan impian kami, kami juga tidak lupa berdoa kepada Allah untuk memberikan kami rezeki untuk meneruskan perjalanan hidup kami dan restu ibu dan ayah kami, sebab mereka lah kami berjaya di dunia dan di akhirat.

AKHIR BULAN NOVEMBER 2020 (Selepas album pertama dilancarkan).

Sudah 3 bulan berlalu, kini album kami telah dilancarkan dalam pasaran di serata negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Brunei, Singapore dan lain-lain lagi. Dalam masa 2 minggu, album kami sangat memberangsangkan dan ramai orang telah membeli album kami, ini menandakan lagu kami sangat laku dan berbaloi untuk didengar. Bos kami ingin membuat konsert tidak lama lagi untuk meraikan jualan album pertama kami yang baru dikeluarkan beberapa minggu sebelum ini. Aku sangat teruja bila dapat melakukan persembahan di atas pentas dengan bunyian irama. Aku, Amar, Hafiz dan Harith tidak sabar untuk membuat persembahan yang terbaik di konsert kami sendiri. Tapi, kami kena pastikan jualan tiket itu mesti di habiskan serta-merta. Kerana, jualan tiket itu lah dapat membuktikan orang lain memang betul-betul minat dengan lagu kami.

Beberapa hari kemudian, sangkaan aku memang benar. Ramai orang beli tiket itu untuk tengok kami bermain muzik dan menyanyi secara langsung dengan mendapat jualan tiket dapat dijual sebanyak 14,000 buah tiket. Kami akan membuat konsert di Axiata Arena di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada tarikh 5 Disember 2020. Kami memilih tarikh ini sebab ramai orang dapat meluangkan masa yang bebas untuk bersuka ria dan bulan Disember juga bulan cuti sekolah untuk pelajar-pelajar yang masih bersekolah lagi. Setelah tiba hari yang ditunggu-tunggu, kami semua bersemangat untuk mempersembahkan lagu kami untuk peminat di luar sana.

Apa yang aku dapat simpulkan dekat sini. Kalau kita mahu teruskan impian kita, jangan berhenti untuk mencapainya. Sebab kita boleh buktikan yang diri kita ini tidak pernah mengalah dalam hidup, walaupun kita selalu jatuh bangun untuk meneruskan perjuangan. Nescaya, pengorbanan kita tidak akan sia-sia.

Butanya jari di alam maya,
Fitnah merata lantang mengecam,
Covid-19 wabak bahaya,
Seluruh dunia kini terancam.

Sampan ditambat di pohon Sena,
Dayung digantung di atas kalas,
Bandar Wuhan bermula bencana,
Hujung tahun dua ribu sembilan belas.


Sungguh mekar bunga di taman,
Dilarang memetik ingatan dipesan,
Virus Korona menjadi ancaman,
Satu dunia mula terkesan.

Indah tersergam bangunan istana,
Berkurun lama tidak dijejak,
18 Mac PKP dilaksana,
Demi mengekang jangkitan wabak.

Sungguh enak menjamu selera,
Makan bersama erat hubungan,
Wabak menular melalui udara,
Jaga penjarakan basuhlah tangan,

Semakin hari semakin buncit
Dagu berlapis badan mengembang
Semakin meningkat jumlah pesakit
Semakin mencengkam rasa bimbang

Cuti persekolahan bakal menjelma,
Anak anak riang gembira,
Ayuh Malaysia bangkit bersama,
Hapuskan Covid musuh negara.



SAJAK AMBANG COVID 19
NORAIN SHAFIQAH BINTI HARIF SHAH &
NUURUL ATIKAH BALQIS BINTI MUHAMAD NOR

Bumi ini hanya persinggahan,
Dijadikan tempat mengumpul bekalan,
Segala usaha sudah dilakukan,
Doa dan tawakal ku serahkan.

SAJAK PERANG DIRI

NUR 'AQILAH BT MOHD HANAFIAH &
NUR ZHURAHAINI BT ANIZUDIN

Covid-19 datang menyerang,
Tanpa kelibat musuh berada,
Seluruh dunia sedang berperang,
Dahsyatnya ujian dugaan melanda.

Tahun baru kini menjelang,
Norma baharu pahatkan di dada,
Duduk berjarak duduk berselang,
Tidak kira tua mahupun muda.

Sebesar zarah tidak terlihat,
Koronavirus diberi nama,
Bersama angin membawa kelibat,
Pelitup muka dipakai bersama.

Banyak jiwa sudah kehilangan,
Keluar rumah harus waspada,
Doa dipohon mohon pertolongan,
Moga kehidupan kembali reda.

Kau datang tanpa di duga
Kau hadir melukai ribuan hati
Kau hadir tanpa di ketahui asal usulmu
Kau umpama angin hanya dapat dirasa namun tidak terlihat.
Sedih kecewa itulah yang bermain di jiwa saat kehadiranmu.

Kau ujian Sang Pencipta buat hambaNya,
tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia.
Makin hari makin parah kau menular begitu mudah,
Barisan hadapan yang melawan mula rebah
Seyuman yang dahulunya manis kini kian pudar warna.

Namun sejahat jahat engkau,
Hadirmu membawa 1001 makna,
Yang dahulunya jauh kini lebih dekat
dekatnya mereka kepada keluarga bangsa mahupun agama
Yang dahulunya tidak menghargai kini lebih mensyukuri
Mensyukuri nikmat yang diberikan oleh yang Maha Esa.

Wahai teman-teman semua,
Covid 19 bukanlah virus biasa,
Virus ini membunuh jutaan manusia,
Malah menjadi musuh seluruh dunia.

Wahai teman-teman semua,
Untuk mencegah covid 19 merbahaya,
Suntikan vaksin perlu diterima,
Agar kehidupan lebih terpelihara.

Wahai teman-teman semua,
Pakailah pelitup muka,
Gunakanlah cecair pencuci tangan,
Jangan keluar jika tidak bekeperluan.

Wahai teman-teman semua,
Marilah kita bersama-sama,
Menjaga diri dari virus ini,
Supaya hidup aman dan harmoni.

Koronavirus

Wabakmu menyerang seluruh alam
Wabakmu merentap jiwa raga,
tanpa mengenal usia mahupun darjat
Wabakmu mengajar erti kehidupan
berkonsepkan nilai disiplin patuh arahan

Koronavirus

Wabakmu mengubah kehidupan alam
Wabakmu membawa 1000 kesulitan
Wabakmu melahirkan norma baharu
Wabakmu mengajar hitam putih kehidupan,
lalu membuka pancainderaku

Koronavirus

Wabakmu seperti lahar yang meletus
Terasa bahang membakar jiwa
Lalu merentap tanpa mengira siapa
Tafsirku wabakmu hadir atas izinNya
Menyeru manusia bangkit ke arah kebaikan

Koronavirus

Wabakmu menular seperti kilat
Bagai kumbang putus talinya
Tidak terkejar hanya mampu berserah
Wabakmu meledak membawa musnah
Sungguh tragis tidak ku duga

Koronavirus

Wabakmu pergi entah bila
Bagai ara tak bergetah,
kami manusia tiada terdaya
Bagai aur di atas bukit
Moga Yang Esa merungkai segala
Melenyapkan duka membawa bahagia

Ku ingat hari itu,
Memori yang manis telah hancur,
Hatiku penuh dengan jeritan senyap,
Ku fikir hidup ini sudah berakhir,
Sehingga kau sudi menolongku.

Kau telah membimbingku melalui nasib malang,
Alangkah peliknya mempunyai sahabat,
Yang tidak pernah ku berikan pelukan maya,
Tidak hairanlah persahabatan kita kian erat.

Kuhubungi sahabatku atas talian,
Menunjukkan bahawa aku peduli,
tidak sesekali kau selalu sibuk,
Atau berbohong kepadaku.

Sahabatku dalam talian,
Kau akan sentiasa menjadi yang satu,
Meluangkan masa antara satu sama lain,
Dalam bentuk kebahagiaan sekejap,
Seolah-olah kita masih kecil lagi.

Covid Sembilan belas
Engkau hadir tanpa ku sedari
Hadirmu menyiksa sanubari
Hadirmu melenyapkan segala
Hadirmu membawa bala bencana
Namun bala bencanamu punya makna

Covid Sembilan belas
Hadirmu berlegar tidak terjangkau
Wajahmu sekecil zarah tidak terlihat
Saban hari aku hidup dalam ketakutan
Sebak di dada terasa kaku jasadku
Kerjaku ibadahku ilmuku terasa kelu
Segala rutinku tidak seperti dulu

Covid Sembilan belas
Hariku berlalu menanti yang tak pasti
Bagai menunggu buah yang tidak gugur
Sudah banyak onar yang kau berikan
Cukuplah sekadar sampai di sini sahaja
Sudah ku rasai erti kehilangan nyawa
Sudah ku selami erti kekeluargaan
Sudah terlalu banyak duka lara yang dihadapi
Pergilah kamu biarkan kami seperti dulu

SAJAK WARISAN ALAM
NUR ZHURAHAINI BT ANIZUDIN &
NUR 'AQILAH BT MOHD HANAFIAH

Kau bertandang tidak dipelawa
Duduk berlabuh membuat ku tertanya
Datangmu membuat onar merentap nyawa
Virusmu begitu pantas bagai belut digetir ekor
Kau menular bersama angin tidak terlihat
Sudah ku elak sudah ku tempis namun hampa ku temu jalan berliku

Terlalu banyak air mata darah yang kau cipta
Seluruh alam menangisi pemergian insan tercinta
Hancur luluh hati bagai dihiris dengan sembilu
Bala apakah yang telah ENGKAU ciptakan?
Adat manusia punya hati punya nafsu ada pasang ada surutnya
Saat jiwa terpesong jauh, hati terasa bagai direntap
Ya Allah, ampunkan hambaMu telah khilaf hanyut dalam ujianMu
Virus ini mengajarku mensyukuri segala nikmat yang telah ENGKAU beri
Yang dahulunya buta yang dahulunya jahil kini celik terasa kerdil

Kini hadirmu kian utuh sukar dihapus
Kami redha endemik ini bukan pengakhir segalanya
Jauh sekali mengaku kalah
Cuma mengajar diri pahatkan di hati
Kau dan aku hidup bersama dalam norma baharu
Sambil menadah tangan ku mohon pada Yang Esa
Moga kehidupan yang bebas akan kembali seperti biasa



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**



NUKILAN DI ERA PANDEMIK